

ADAB-ADAB PEMERINTAH DALAM BUSTAN AL-SALATIN

MOHD FIRDAUS BIN RIDUWAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN

2022

# **ADAB-ADAB PEMERINTAH DALAM BUSTAN AL-SALATIN**

**OLEH**

**MOHD FIRDAUS BIN RIDUWAN**

Tesis yang dikemukakan sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan (Kesusasteraan Warisan)

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

**PENGESAHAN TESIS**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah


**SULIT**

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_  
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

---

980802055289

---

No. Kad Pengenalan  
Tarikh : 12/2/2022

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia  
Tarikh :

Fakulti Teknologi Kreatif dan  
Warisan Universiti Malaysia  
Kelantan, Pengkalan Chepa,  
Kelantan, Malaysia

FEBRUARY 2022



FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF  
DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BORANG PENYERAHAN NASKHAH LAPORAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR  
MUTAKHIR

Kepada,

Dekan,  
Fakulti Teknologi Kreatif dan  
Warisan Universiti Malaysia  
Kelantan

**Penyerahan Naskah Mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir**

1. Saya, MOHD FIRDAUS BIN RIDUWAN No Matrik C18A0127. Menyerahkan satu (1) naskah mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir bertajuk: Adab-adab Pemerintah Dalam Bustan Al-Salatin.
  
2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala pembetulan yang perlu telah dilakukan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh penyelia dan pemeriksa.

Sekian, terima kasih

  
.....

Tarikh : 12/2/2022

.....  
**Perakuan Penyelia**

Saya, ..... penyelia kepada pelajar di atas dengan ini memperakukan maklumat yang dinyatakan oleh pelajar adalah benar dan menerima penyerahan tersebut bagi pihak fakulti.

Terima kasih.

.....  
Tarikh :

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>ABSTRAK</b>	
<b>BAB 1</b>	
<b>1.1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN</b>	<b>5</b>
<b>1.3 PERMASALAHAN KAJIAN</b>	<b>10</b>
<b>1.4 PERSOALANAN KAJIAN</b>	<b>13</b>
<b>1.5 OBJEKTIF KAJIAN</b>	<b>13</b>
<b>1.6 KEPENTINGAN KAJIAN</b>	<b>14</b>
<b>1.7 SKOP KAJIAN</b>	<b>15</b>
<b>1.8 KESIMPULAN</b>	<b>16</b>
<b>BAB 2</b>	
<b>2.1 PENGENALAN</b>	<b>17</b>
<b>2.2 TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN PENDEKATAN ADAB</b>	<b>18</b>
<b>2.3 TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN ADAB</b>	<b>21</b>
<b>2.4 TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN PEMERINTAHAN</b>	<b>30</b>
<b>2.5 TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN BUSTAN AL-SALATIN</b>	<b>34</b>
<b>2.6 TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN KARYA KETATANEGARAAN</b>	<b>38</b>
<b>2.7 KESIMPULAN</b>	<b>41</b>

<b>BAB 3</b>	
<b>3.1 PENGENALAN</b>	<b>42</b>
<b>3.2 KAJIAN KUALITATIF</b>	<b>43</b>
<b>3.3 PROSES PENGUMPULAN DATA</b>	<b>44</b>
<b>3.4 KAEDAH ANALISIS DATA</b>	<b>45</b>
<b>3.5 PENDEKATAN ADAB</b>	<b>47</b>
<b>BAB 4</b>	
<b>4.1 PENGENALAN</b>	
<b>4.2 ANALISIS KAJIAN</b>	
<b>4.2.1 Menganalisis adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin berdasarkan pendekatan adab oleh Syed Naquib Al-Attas</b>	<b>51</b>
<b>4.2.2 Mengenalpasti pemerintahan kerajaan yang mempunyai adab-adab pemerintahan yang terdapat dalam karya ketatanegaraan Bustanus Al-Salatin berdasarkan pendekatan Adab oleh Syed Naquib Al-Attas</b>	<b>75</b>
<b>4.2.3 Mencadangkan adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga) untuk dipraktikkan dalam tumpuk pemerintahan pada masa kini.</b>	<b>87</b>
<b>BAB 5</b>	
<b>5.1 PENGENALAN</b>	<b>92</b>
<b>5.2 CADANGAN</b>	<b>92</b>
<b>5.2.1 CADANGAN KEPADA INDIVIDU</b>	
<b>5.2.2 CADANGAN KEPADA KEMENTERIAN</b>	
<b>5.3 KESIMPULAN</b>	<b>93</b>

## **ABSTRAK**

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ialah adab-adab pemerintah dalam Bustanus Salatin. Kajian ini menyenaraikan tiga objektif iaitu menganalisis adab-adab pemerintah dalam Bustanus Salatin, mengenalpasti pemerintahan kerajaan yang mempunyai adab-adab pemerintahan yang terdapat dalam karya ketatangegaraan Bustanus Al-Salatin (Bab Ketiga) dan mencadangkan adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga) untuk dipraktikan dalam tumpuk pemerintahan pada masa kini. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif. Proses pengumpulan data menggunakan perpustakaan dan kaedah analisis data pengkaji menggunakan kaedah analisis teks dengan menggunakan pendekatan adab oleh Syed Naquib Al-Attas. Hasil kajian menunjukkan terdapat adab-adab pemerintah yang diamalkan mengikut pendekatan adab oleh Syed Naquib Al-Attas dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga). Adab-adab pemerintah ini turut diamalkan ketika zaman kegemilangan pemerintahan kesultanan Melaka. Adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin ini amat relevan diamalkan pada zaman pemerintahan pada masa kini bagi keamanan dan kesejahteraan negara. Implikasi pengamalan adab-adab pemerintah dapat menjadikan seorang pemimpin yang bertanggungjawab dalam suatu pemerintahan. Menjadi seorang pemimpin yang bertanggungjawab ini sangat dititikberatkan dalam Islam. Karya yang dihasilkan oleh Nuruddin Al-Raniri ini dapat dijadikan panduan kepada pemimpin kerana karya ini penuh dengan kisah pengajaran pada zaman pemerintahan kerajaan dahulu.

Kata Kunci: teks ketatangegaraan, adab, pendekatan adab, Bustanus Salatin.

## BAB 1

### 1.1 PENGENALAN

Pemerintahan raja berkuasa mutlak telah wujud sekitar tahun 1400M dan meluas di negeri-negeri melayu yang lain. Sistem pemerintahan beraja berkuasa mutlak digunakan ketika kedatangan kuasa barat iaitu British menjajah di Tanah Melayu. Sistem pemerintahan beraja atau Monarki merupakan sistem pemerintahan yang tertua didunia. Pemerintahan beraja terdapat gelaran raja dan sultan. Golongan ini berperanan sebagai ketua pemerintah yang akan mengurus dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Kebudayaan dan agama Hindu-Buddha sangat kuat pengaruhnya dalam kehidupan masyarakat melayu lebih-lebih lagi dari aspek politik. Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah (1981) dalam bukunya Sejarah Dan Pemikiran Islam, golongan atasan seperti golongan istana menganuti agama Hindu demi menjaga kedudukan sosial dan politik. Selepas kedatangan agama Islam masyarakat melayu dahulu masih memegang konsep kepercayaan Hindu-Buddha iaitu “Devaraja”. “Devaraja” terdiri daripada perkataan Dewa dan Raja. Menurut M.Rajantheran dalam kertas kajianya yang bertajuk Amalan Kultus Devaraja Di Asia Tenggara, istilah devaraja bermaksud “raja kepada dewa-dewa. Tradisi budaya India Dewa Indera dikatkan dengan gelaran Devaraja. Pegangan konsep ini masyarakat melayu menobatkan raja sebagai pemerintah yang tertinggi dalam susun lapis masyarakat. Kedatangan islam ini juga telah mengubah status quo raja melayu ke kedudukan islam yang lebih tinggi.

Mengenai raja sebagai bayangan tuhan di dunia boleh dilhat dalam tulisan yang bertajuk Mirsad al-Ibad yang dihasilkan oleh Najm al-Din Razi (1177-1256 M). Penulisanya menyentuh tentang pertumbuhan ideal konsep Raja sebagai bayangan tuhan di dunia. Terdapat lima bahagian yang mengandungi kisah penciptaan dunia dan kisah para nabi-nabi. Bahagian kelima dalam tulisan beliau menjadi fokus terpenting kerana ia menyentuh hal yang berkaitan dengan pemerintahan negara. Pandangan Imam al-Ghazali dalam Nasihat al-Muluk. Raja merupakan seorang yang mempunyai kedudukan tinggi dan mempunyai keistimewaan oleh Tuhan memegang tugas sebagai pemimpin manusia di dunia dengan gelaran sebagai bayangan tuhan di dunia. Oleh itu, golongan diperintah seperti rakyat perlu setia dan mematuhi perintah raja. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan dalam Nasihat al-Muluk iaitu:

*“Maka seyogianya bahawa diketahuinya barangsiapa yang diberi Allah taala akan dia akan pangkat dan dijadikan akan dia bayang-bayang -Nya pada bumi-Nya, maka bahawasanya wajiblah atas segala makhluk itu mengasih akan dia. Dan wajib mereka itu mengikut akan dia dan bakti kepadanya. Dan tiada harus bagi mereka itu dengki akan dia dan bantah akan dia”*

Nasihat al-Muluk:52

Raja atau sultan sebagai khalifah Allah ini menonjolkan lagi tegas kepimpinan yang diamanahkan oleh Allah perlu ditadbir dengan bijaksana dan memerintah berlandaskan ajaran agama islam. Tanggungjawab raja atau sultan ini amat besar di bahu mereka kerana memegang amanah Allah S.W.T dan menjadi model pemerintah yang terbaik kepada masyarakat. Raja mempunyai kuasa untuk melantik pembesar dan bendahara untuk membantunya dalam pemerintahannya. Dalam pemerintahan kerajaan Melayu wujudnya Sistem Pembesar Empat Lipatan. Pembesar ini akan membantu Sultan dari segi pentadbiran dan keamanan di kawasan wilayah naungan dan menasihati sultan dalam semua hal ehwal negara. Golongan pemerintah yang terdiri daripada Sultan dan pembesar ini memainkan peranan yang penting bagi memastikan negara mengecapi keamanan dan kesejahteraan.

Karya adab ketatanegaraan merupakan karya yang menjadi petunjuk kepada golongan pemerintah dari segi mentadbir negara. Penulisan kitab ketatanegaraan merupakan penerangan dalam bentuk naratif, karya yang menerangkan cara urus tadbir dalam negeri berdasarkan cara pemerintahan zaman dahulu khususnya raja di Timur Tengah. Ciri-ciri sastera ketatanegaraan ialah membincangkan tentang tanggungjawab sebagai raja, hulubalang, menteri dan rakyat, mengandungi kisah – kisah pemerintah di Timur Tengah iaitu kisah para nabi dan tokoh agama Islam yang terkenal dan karya yang dihasilkan untuk memberi panduan, nasihat, pengajaran, pedoman kepada pemerintah. Karya memberi cara pentadbiran sesbuah negeri berdasarkan sejarah kerajaan islam di Asia Barat dan Alam Melayu.

Karya adab dan ketatanegaraan ini dipenuhi dengan unsur pengajaran dan nasihat menjadi seorang pemerintah yang baik. Penghasilan karya sastera ketatanegaraan mempunyai hubungan rapat dengan kedatangan dan perkembangan agama Islam di Tanah Melayu. Agama Islam mengajar bahawa Sultan merupakan ketua pemerintah yang wajib dipatuhi oleh rakyat. Beberapa penulisan yang menyentuh mengenai adab ketatanegaraan Melayu yang boleh dilihat iaitu Warisan Persuratan Johor II: Perundangan dan ketatanegaraan Melayu oleh Zainal Abidin Borhan yang menmbincangkan mengenai ketatanegaraan dalam Bustan al-Salatin: Persoalan Kedaulatan Raja dan Konsep Negara dalam Thamarah al-Muhimmah.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.2 LATARBELAKANG KAJIAN

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), adab iaitu tingkah laku manusia dengan mempertutarkan kata halus dan bertindak sopan. Menurut Abd al-Qahir al-Jurjani dalam artikel mengenai Filsafat dan Pratik Pendidikan Islam Syed Naquib Al-Attas, adab merupakan satu proses mengumpul ilmu pengatahanan untuk dihayati dan mengelakkan pelajar melakukan perbuatan kesalahan. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas mengenai Konsep Pendidikan Dalam Islam adab terdiri daripada ilmu, kebijaksanaan, keadilan dan amal ihsan. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), adat merupakan sebuah peraturan yang diamalkan secara turun-temurun yang harus dipatuhi. Menurut Nor Halim Hj Ibrahim dalam bukunya Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaan Adat Temenggung (1993), adat merupakan gaya hidup yang terdiri daripada kebudayaan, undang-undang, istiadat, kepercayaan dan sistem masyarakat. Menurut Norizat Selat dalam bukunya Adat Melayu: Kesinambungan dan Perubahan, adat merupakan perlakuan atau tatacara dalam kehidupan seharian.

Adab memainkan peranan penting untuk memperoleh kedudukan di sisi Allah S.W.T. Adab boleh dijadikan satu medium untuk mengeratkan perhubungan antara golongan pemerintah dengan rakyat. Pemimpin yang mempunyai adab akan dipandang tinggi oleh masyarakat dan maruah pemimpin itu dipelihara. Manakala, adat berperanan memastikan masyarakat mematuhi peraturan yang ditetapkan. Adat yang diturunkan secara turun-temurun ini akan mendatangkan pengalaman yang memberi manfaat kepada masyarakat dan dapat mengawal tindakan manusia jika berlakunya tindakan luar kawalan. Melalui adat ini akan mengekalkan adat budaya dalam suatu masyarakat agar terus wujud dalam dunia ini. Tanpa suatu masyarakat itu mengamalkan akan menyebabkan suatu adat ditelan oleh zaman.

Ketatanegaraan merupakan gabungan perkataan imbuhan “ke...an” dan “tatanegara”. Menurut Kamus Dewan (1997) tatanegara membawa maksud lembaran dan corak pemerintahan negara. Definisi perkataan ketatanegaraan pula bermaksud istilah yang memfokuskan struktur pemerintahan dalam sesebuah negara. Karya sastera adab ketatanegaraan merupakan karya yang meangkat mengenai isu adab pemerintah dan mewujudkan sebuah kebijaksanaan pengarang dalam menghasilkan kepengarangan berdasarkan prinsip Islam. Karya yang bertemakan “Mirror for Rulers” yang terdapat dalam karya sastera Arab dan Parsi yang mengandungi aturan dan nasihat mengenai keadilan pemerintah dan kebijaksanaan pembesar negara. Menurut Dankoff (1983), “Mirror For Rulers” merupakan istilah yang menyentuh tentang advice on how to rule. Kesusasteraan Islam yang mempunyai isi kandungan panduan adab dan nasihat kepada golongan pemerintah iaitu Siyar al-Muluk, Nasihat al-Muluk dan Akhlak al- Muhsini.

Pengarang yang menghasilkan karya adab ketatanegaraan ini juga menggarapkan fungsi dan tugas golongan diperintah iaitu rakyat dalam memberikan kesetiaan kepada golongan pemerintah iaitu raja. Kajian mengenai perkembangan adab ketatanegaraan boleh dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Dawood (1965) yang bertajuk “A Comparative Studies of Arabic and Persian Mirror for Princes from the Second to the Sixth Century”. Secara ringkas, kajian ini dibahagikan kepada beberapa perkembangan karya sastera bertemakan adab ketatanegaraan. Peringkat permulaan karya adab ketatanegaraan bermula pada abad kedua hingga abad keempat hijrah. Karya adab ketatanegaraan yang lahir pada ketika itu ialah Adab al-Kabir yang dihasilkan oleh Ibn Muqaffa dan Uyun al-Akhbar yang dihasilkan oleh Ibn Qutaybah.

Karya adab ketatanegaraan merupakan sebahagian harta kesusasteraan yang bernilai yang dihasilkan di istana Melayu. Karya adab ketatanegaraan merupakan dokumen sastera yang mempamerkan budaya masyarakat warisan melayu lama seperti adat istiadat, nilai, peraturan, dan ketinggian budi bahasa. Karya yang dihasilkan oleh pengarang ditulis secara halus dan indah mengenai prinsip hubungan golongan pemerintah dengan golongan diperintah. Karya adab ketatanegaraan ini juga dapat membantu para pengkaji untuk menganalisis sistem politik dan undang-undang Kesultanan Melayu dahulu.

Bustan al-Salatin (Kebun Segala Raja-Raja) merupakan sebuah tulisan karya adab ketatanegaraan di Aceh. Isi kandungan karya ini tergolong dalam karya saduran kerana gaya kepengarangan gabungan beberapa karya Arab dan Parsi. Bustan al-Salatin dihasilkan oleh Nuruddin al-Raniri pada tahun 1638 merupakan karya adab ketatanegaraan di Aceh. Naskah yang paling berharga ini terdiri daripada tujuh bab dan 60 fasal. Syeikh Nuruddin Al-Raniri merupakan seorang ulama, ahli sejarah dan penasihat istana yang berkhidmat ketika zaman pemerintahan Sultan Iskandar Thani (1634-1644) yang merupakan seorang putera raja Pahang menantu kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Bustan al-Salatin dihasilkan selepas menerima permintaan oleh Sultan Iskandar Thani. Bustan al-Salatin terdiri daripada 1500 halaman manuskrip bertulisan jawi yang membicarakan tentang asal usul kejadian alam dan manusia, kisah raja adil dan kisah pembesar yang bijaksana, kisah raja zalim dan kisah raja yang alim dan bertapa. Sebagai sebuah karya adab ketatanegaraan, Bustan al- Salatin mempunyai ratusan dan petikan ayat al-quran, hadis dan kata-kata hikmah ulama dan beratus petikan kisah sejarah dan nasihat pengajaran sebagai bahan pengajaran kepada raja-raja melayu.

Karya asal Bustan al-Salatin masih belum dijumpai dan ada yang mengatakan kemungkinan teks ini sudah hilang. Manuskrip Bustan al-Salatin yang tinggal ini merupakan salinan yang dilakukan oleh beberapa penyalin dan disimpan di perpustakaan dunia untuk rujukan masyarakat. Terdapat 34 salinan manuskrip Bustan al-Salatin yang masih ada iaitu di Aceh, Berlin, Brussels, Cape Town, Colombo, Jakarta dan Kuala Lumpur. Manuskrip Bustan al-Salatin yang tersimpan kemas dan baik disimpan di Bibliotheque Royal Albert I, Brussels.

Perkataan “Bustan” yang bermaksud kebun menggambarkan intipati yang terdapat dalam karya ini seperti kisah-kisah pemerintah yang adil yang memegang jawatan dalam pentadbiran kerajaan. Bustan Al-Salatin mengandungi 7 bab yang mengandungi beberapa fasal. Bab pertama menceritakan kisah kejadian bumi dan tujuh petala langit- 30 fasal. Bab kedua menceritakan kisah para anbia dan raja- 13 fasal. Bab ketiga yang menjadi fokus dalam kajian ini mengandungi kisah raja yang adil dan wazir berakal- 6 fasal. Bab keempat menceritakan kisah raja yang pertapa dan anbia yang amal soleh-2 fasal. Bab kelima menceritakan sikap raja yang zalim dan wazir teraniaya- 2 fasal. Bab keenam menceritakan orang yang memeliki sikap yang mulia seperti pemurah dan berani- 2 fasal dan bab ketujuh menceritakan mengenai akal, ilmu perubatan, firasat, tasyrih, dan perwatakan perempuan yang terdapat dalam hikayat- 2 fasal.

Bentuk karya yang dihasilkan oleh Nuruddin Al-Raniri seorang ilmu pengatahuan yang tinggi yang memberikan contoh dan teladan kepada raja dan pembesar melayu. Karya yang dihasilkan beliau bukan sahaja memberi pujian terhadap kebaikan raja dan memberi kritikan hal ehwal pemerintahan kepada raja yang zalim. Tujuan penghasilan Bustanus Al-Salatin iaitu meangkat kembali sejarah kegemilangan kerajaan terdahulu dan memberi panduan untuk para pemimpin menjadi seorang yang beradab tinggi. Nuruddin Al-Raniri mengaitkan tokoh pemerintah ternama dahulu yang memiliki adab-adab pemerintah yang baik. Menurut Syeikh Nuruddin Al-Raniri, raja yang adil akan mendapat manfaat pahala daripada Allah S.W.T serta membawa kemakmuran kepada rakyat dan negara manakala raja yang kejam akan mendapat kemurkaan Allah S.W.T dan akan mendatangkan kemasuhan kerajaan dan kepercayaan rakyat jelata.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian merupakan bahagian yang akan menjelaskan masalah yang menjadi asbab kajian ini dilakukan. Adab dalam pemerintahan sangat penting bagi golongan pemerintah untuk mengekalkan sesbuah kerajaan yang makmur dan stabil. Kajian ini dilakukan kerana timbulnya isu dalam pentadbiran kerajaan. Tanpa mengamalkan adab pemerintah ini akan menimbulkan permasalahan dalam kerajaan. Permasalahan yang menjadi pencetus kajian ini dilakukan ialah berlakunya kezaliman dan ketidakadilan kalangan orang yang berkuasa dalam pemerintahan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh kajian yang dibuat oleh Abd Aziz Azmi dan Farrah Wahida Mustafar yang bertajuk Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka Menurut Teori Kritikan Ibnu Khaldun (2020) kajian ini menjelaskan tentang kejatuhan kerajaan Melaka ketika era pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Berdasarkan kajian ini dilihat kurangnya adab pemerintahan selepas kemangkatan Sultan Alaudin Riayat Syah I. Gaya pemerintah yang dipamerkan oleh Sultan Mahmud Syah I berbeza dengan ayahndanya yang mengamalkan adab pemerintahan yang baik dengan mengutamakan aspek keagamaan dan keadilan dalam tumpuk pemerintahannya. Sikap Sultan Mahmud Syah yang tidak mengamalkan adab pemerintah yang baik seperti membuat suatu keputusan tanpa berfikir panjang, mengikut hawa nafsu, sikap mementingkan diri, pemikiran yang mudah dimanipulasi dengan unsur fitnah dan perasaan hasad dengki.

Kajian ini disokong oleh Mc Robert dalam kertas kajianya yang bertajuk An Examination of the Fall of Melaka in 1511 (1984), Sultan Mahmud Syah I dikatakan sebagai punca kejatuhan kerajaan Melayu Melaka oleh penulis Sejarah Melayu kerana mempunyai sikap dalam pemerintahan yang negatif sebelum kejatuhan Melaka. Pada tahun 1511, Sultan Mahmud menunjukkan seorang yang zalim, lemah dan bebas melakukan tindakan tanpa dikenakan sebarang undang-undang. Sultan Mahmud tidak cakna dalam mempelajari ajaran agama Islam, bertindak sesuka hati dengan merampas harta orang lain yang disukainya dan bersikap tidak adil dalam semua tindaknya. Ketidakadilan dan kezaliman yang berlaku dalam tumpuk pemerintahan terdahulu menyebabkan pengkaji melakukan kajian adab-adab pemerintahan dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga) untuk mengelakkan berlakunya sekali lagi dalam pemerintahan kerajaan pada hari ini. Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan menyatakan adab pemerintah yang patut dicontohi pada zaman Khulafa al-Rashidin.

Petikan akhbar Sinar Harian yang bertarikh 16 Ogos 2020, pakar perlombagaan Profesor Madya Dr Shamrahayu Abd Aziz, pemimpin yang gagal untuk melaksanakan peruntukan yang termaktub dalam Pelembagaan Persekutuan ini akan memberi satu malapetaka yang besar kepada undang-undang tertinggi negara. Hal ini demikian, pemimpin politik mempunyai kuasa dalam melaksanakan Perlembagaan Persekutuan. Kebimbangan ini tercetus apabila timbulnya isu penghinaan perlaksanaan undangundang terhadap agama Islam tidak diurus dengan baik menyebabkan Perlembagaan Persekutuan ini terancam. Isu yang berlaku diatas memberi perspektif bahawa adab dalam pemerintah sangat penting dalam diri pemimpin kerajaan.

Menurut Syed Naquib Al-Attas dalam bukunya Konsep Pendidikan Dalam Islam, empat prinsip adab yang perlu ditanam dalam manusia untuk bergelar insan adabi ialah ilmu, hikmah (kebijaksanaan), adl (keadilan) dan amal ihsan. Empat prinsip adab ini perlu ada dalam diri pemimpin yang memegang amanah yang besar. Pemimpin yang memegang adab dalam pemerintahannya akan memastikan Perlembagaan Persekutuan akan dipelihara daripada anasir buruk. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk memberikan pendedahan kepada pemimpin mengenai adab-adab pemerintah yang berlandaskan syariat Islam agar dapat melindungi Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang negara tertinggi. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dilaksanakan kerana sememangnya isu berkaitan peribadi kepimpinan berteraskan ajaran Islam ini penting untuk diimbangi berdasarkan pendekatan adab yang diperkenalkan oleh Syed Naquib Al-Attas. Karya Bustanus Salatin (Bab Ketiga) Kisah Raja-Raja Yang Adil, pengkarya menggarapkan kisah-kisah adab kepimpinan pada zaman Khulafa al-Rasyidin yang boleh dijadikan ikutan agar dapat menjalankan tanggungjawab dengan amanah. Berdasarkan isu-isu yang berlaku diatas jelas betapa buruknya kesan sekiranya adab tidak diamalkan oleh pemimpin. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk memberi panduan kepada pemimpin untuk menjadi pemerintah yang beradab.

## 1.4 PERSOALANAN KAJIAN

Persoalanan kajian bermaksud persoalanan yang membawa kepada jawapan dimana ia akan membantu dalam menganalisis kejadian yang mahu dikaji. Bentuk persoalanan kajian ini ialah dalam rangka soalan iaitu:

- 1) Apakah adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga)?
- 2) Adakah kerajaan melayu yang dahulu mempunyai adab-adab pemerintahan berdasarkan Bustanus Salatin (Bab Ketiga)?
- 3) Apakah kepentingan adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga) ini kepada pemerintahan pada masa kini?

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan matlamat khusus yang mengandungi lebih daripada satu tujuan. Objektif kajian bertujuan mengenalpasti maksud yang tersurat dan kepentingan sesebuah kajian dicadangkan. Penulisan objektif perlu dalam bentuk kata kerja yang berkaitan dengan bidang dan tahap kajian masing-masing. Objektif kajian ini ialah:

- 1) Menganalisis adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga).
- 2) Mengenalpasti pemerintahan kerajaan yang mempunyai adab-adab pemerintahan yang terdapat dalam karya ketatanegaraan Bustanus Al-Salatin (Bab Ketiga).
- 3) Mencadangkan adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga) untuk diperaktikkan dalam tumpuk pemerintahan pada masa kini.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Bahagian ini mempercikkan secara jelas tentang kesan kajian dan menghurai apakah faedah-faedah daripada hasil kajian kepada organisasi, masyarakat, negara, dan perkembangan ilmu yang dikaji.

### 1.6.1 Masyarakat

Kajian ini sangat penting kepada masyarakat bagi memupuk sifat yang baik dengan menjadikan adab-adab pemerintah dalam Bustanus Al-Salatin (Bab Ketiga) dalam kehidupan seharian. Selain itu, melalui kajian ini dapat memupuk taat setia rakyat kepada pemerintah. Kesetiaan kepada pemerintah dan negara merupakan kunci kedudukan negara yang aman dan harmoni.

### 1.6.2 Negara

Adab merupakan kunci sebuah kesejahteraan dan keamanan sesebuah negara. Melalui kajian ini akan memberi pendedahan tentang adab-adab pemerintah dalam Busatanus Al-Salatin (Bab Ketiga) kepada golongan pemerintah. Golongan pemerintah harus mempunyai adab-adab yang berlandaskan Islam agar pemerintahan berada dibawah lindungan-Nya.

### 1.6.3 Individu

Pengkaji dapat menambah ilmu pengatahuan dengan lebih mendalam tentang adab-adab pemerintah dalam karya teks ketatanegaraan. Dalam teks ketatanegaraan yang dipilih ini dilihat menerangkan tentang gaya pemerintahan yang baik di Aceh yang menjadi kunci keamanan dalam pemerintahannya.

## 1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan adab-adab pemerintahan yang terdapat dalam Bustanus Al-Salatin. Terdapat beberapa sebab pengkaji memilih karya Bustanus Al-Salatin Bab Ketiga sebagai bahan kajian iaitu karya Bustanus Al-Salatin (Bab Ketiga) ini dihasilkan oleh Nuruddin Al-Raniri ini mengandungi panduan untuk raja, pembesar dan rakyat jelata. Nuruddin Ali menggarapkan kisah-kisah raja yang adil pada zaman pemerintahan terdahulu untuk dijadikan pengajaran kepada golongan pemerintah. Bustanus Salatin (Bab Ketiga) ini mengandungi 6 fasal. Nuruddin Al-Raniri memulakan panduanya dengan mengisahkan kejadian penciptaan langit sehingga pemerintahan Sultan Iskandar Thani sebagai pengakhiran cerita. Nuruddin Al-Raniri menceritakan kisah raja yang adil dan tidak adil, menteri bijaksana dan menteri yang kejam dan lain-lain lagi. Walaupun terdapat kelemahan dalam Bustanus Salatin dari segi pertentangan dengan masa (Anakronisme) dengan Hikayat Sultan Acheh Marhum, pengkaji hanya memfokuskan tentang adab-adab dalam pemerintahan yang terdapat dalam Bustanus Al-Salatin.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhanya, pemimpin merupakan golongan yang diberi kepercayaan daripada rakyat. Rakyat memberi kepercayaan kepada pemimpin untuk mentadbir negara dengan sistematik. Oleh itu, adab-adab pemerintah perlu diamalkan dalam diri setiap pemimpin untuk kestabilan politik dan keamanan negara. Pentadbiran yang kacau-bilau dan keamanan negara tergugat akan berlaku sekiranya pemimpin tidak memiliki adab pemerintahan yang baik. Mengelakkan perkara ini berlaku, karya Nuruddin Al-Raniri iaitu Bustanus Salatin (Bab Ketiga) menceritakan kisah raja dan wazir yang adil menjadi fokus untuk dijadikan pengajaran dan pedoman para pemimpin untuk menjadi seorang pemerintah yang memiliki adab seperti pemerintah berjaya dari kerajaan terdahulu dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga).

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### 2.1 TINJAUAN LITERATUR

Kajian literatur terdiri daripada teks, artikel ilmiah, penulisan dalam laman sesawang, penulisan dalam akhbar, dan tesis yang mempunyai data yang lampau mengenai tajuk kajian pengkaji. Sorotan literatur merupakan sebuah sumber rujukan sistematik mengenai data kajian yang memberi fokus kepada tajuk kajian yang diperoleh di perpustakaan atau mana-mana dokumen. Bahagian sorotan ini perlu mempunyai huraian dan analisis secara ringkas tentang kertas kajian yang terdahulu. Tujuan kajian literatur ini dibuat untuk memberi ideal baharu kepada kajian mengenai topik kajian, mempamerkan perbezaan yang unik dengan topik kajian pengkaji dan membantu pengkaji memahami lebih mendalam mengenai tajuk penyelidikan pengkaji. Tinjauan literatur akan dipecahkan iaitu tinjauan literatur adab, tinjauan literatur berkaitan pendekatan adab, tinjauan literatur berkaitan pemerintah, dan tinjauan berkaitan Bustan al-Salatin.

## 2.2 Tinjauan Literatur Pendekatan Adab

Nor Asma Ab Aziz Mohd Naizam Jamian (2017) kajian beliau yang bertajuk Akhlak Pemimpin Dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab. Kajian ini membincangkan tentang akhlak pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain yang merupakan pemimpin yang mempunyai kuasa taklukan yang besar. Kajian ini mengaplikasi pendekatan adab oleh Syed Naquib Al-Attas. Menurut beliau prinsip adab perlu ada dalam diri pemimpin untuk menjadi seorang adabi yang bermaksud amal ihsan. Amal ihsan merupakan tingkah laku daripada ilmu pengatahan, kebijaksanaan dan keadilan dalam kehidupan manusia.

Kajian Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris (2019) yang bertajuk Kebijaksanaan Adab Dalam Hikayat Melayu Tradisional. Kajian ini membincangkan pengertian kebijaksanaan adab dalam karya kesusastraan melayu iaitu hikayat melayu tradisional dengan melihat dari segi perspektif adab. Hikayat melayu tradisional memainkan peranan yang sangat penting bagi membentuk sebuah ketamadunan yang melahirkan manusia berintelektual tinggi dan bertanggungjawab sebagai pemimpin dalam suatu pemerintahan. Kajian ini menggunakan teks Hikayat Isma Yatim dan Hikayat Hang Tuah. Kajian ini menggunakan pendekatan adab berdasarkan pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001). Hasil kajian ini menunjukkan kandungan dalam teks hikayat melayu tradisional mengandungi sifat-sifat yang terpuji seperti kebijaksanaan agar menjadi pemimpin yang seimbang. Sifat-sifat yang terpuji seperti kebijaksanaan dalam teks hikayat melayu tradisional memberi panduan kepada pemimpin untuk berhubung dengan Maha Pencipta.

Kajian Roziah Adama & Mas Rynna iaitu Komunikasi Pelanggaran Adab: Satu Analisis Konsep Adab Al-Attas Dalam Drama Ayam Jantan Ayam Betina (2017). Kajian ini menganalisis pendekatan adab berdasarkan ajaran islam untuk melihat nilai dalam drama yang dihasilkan oleh Bidin Subari bertajuk Ayam Jantan Ayam Betina pada tahun 1974. Drama ini meangkat persoalan tentang masyarakat yang melanggar adab dan melakukan kemungkaran tidak selaras dengan ajaran agama islam. Masyarakat dalam drama tersebut mengamalkan gaya hidup moden sehingga melanggar batasan adab sebagai orang Islam. Kajian ini menggunakan metod pendekatan adab oleh Syed Naquib Al-Attas. Hasil kajian menunjukkan kehidupan yang mengamalkan gaya pemodenan tanpa mengikut ajaran islam yang sebenar akan melanggar adab yang patut diamalkan dalam kehidupan.

Kajian Siti Fatimah Binti Mamat, Roslina Binti Abdul Bakar dan Arbai'e Bin Sujud yang bertajuk Kisah Rakyat Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Pendedahan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak (2019). Kajian ini membincangkan prosa tradisional cerita binatang yang terkenal iaitu Sang Kancil sebagai watak yang memiliki sifat kepimpinan. Sifat yang beradab dalam watak sang kancil dan memerang patut dijadikan amalan dalam kehidupan sehari-hari terutamanya kanak-kanak bak kata pepatah melentur buluh biar dari rebungnya.

Masyarakat melayu sangat bijak menjadikan watak binatang mempunyai watak manusia untuk menjadikan medium baharu untuk mendidik masyarakat. Metod kajian ini menggunakan temubual untuk mendapatkan data mengenai cerita binatang. Kajian ini menggunakan pendekatan adab yang diasaskan oleh Syed Naquib Al-Attas (2001). Kajian ini menganalisis ciri-ciri adab yang terdapat cerita tradisional itu dan mengenalpasti impak adab yang terdapat dalam cerita ini kepada masyarakat melayu. Hasil kajian ini menunjukkan watak sang kancil mempunyai budi pekerti dan mempunyai pengajaran dan pedoman kepada masyarakat melayu. Adab yang ada dalam watak sang kancil ini mempengaruhi kanak- 25 kanak untuk berkelakuan berbudi bahasa dan mengenal erti tanggungjawab sebagai seorang manusia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 2.3 Tinjauan literatur berkaitan adab

Siti Nor Hamiza Ibrahim dan Rahimah Hamdan (2020) yang bertajuk Perbandingan Adab Pemerintah dalam Taj Us Salatin dan Hikayat Iskandar Zulkarnain. Kajian ini membincangkan adab raja-raja melayu yang terdapat dalam karya Taj al-Salatin dan membandingkan dengan Hikayat Iskandar Zulkarnain. Kajian ini menimbulkan persoalan adakah panduan kepada pemerintah yang terdapat dalam Taj Us Salatin selari dengan gaya pemerintahan dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain. Kajian ini merumuskan bahawa adab seorang pemerintah menjadi penentu kegemilangan dalam sesebuah kerajaan.

Rahimah Hamdan (2018) kajian beliau yang bertajuk Duka Yang Bertakhta: Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesusastraan Melayu Tradisional. Kajian ini membincangkan adab-adab raja melayu yang terdapat dalam Taj Us Salatin dengan membandingkan gaya pemerintah Raja Singapura dalam karya Inilah Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya. Kajian ini menyatakan adab-adab yang perlu ada dalam pemerintahan dan punca kemerosotan kerajaan melayu Singapura kerana ketidakpatuhan adab-adab tersebut.

Kajian Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali dan Salinah Ja“afar yang bertajuk Pemerkasaan Modal Insan: Pembentukan Sikap Dan Akhlak Islamiah Dalam Novel (2012). Kajian ini mengkaji cara pengarang novel memasukkan elemen-elemen pembentukan keperibadian Islamiah dalam hasil kepenggarangannya. Kajian menggunakan karya sastera seperti novel yang terkenal di Malaysia. Iaitu Badai Semalam, Andai Semalam Kumiliki, Bukan Puteri Lindungan Bulan, Ombak Rindu dan Ayat-Ayat Cinta. Hasil kajian ini menunjukkan pengarang novel memasuki unsur keagamaan seperti ibadah, syariat, saling hormat-menghormati dalam menjaga hubungan dan akidah. Unsur-unsur keagamaan ini diterapkan dalam karya mereka agar dapat membentuk akhlak yang murni melalui penghasilan karya sastera.

Kajian Indra Fajar Nurdin yang bertajuk Perbandingan Konsep Adab Menurut Ibn Hajar Al-Asqalany Dengan Konsep Pendidikan Karakter di Indonesia (2015). Dasar pendidikan negara sangat penting untuk membentuk masyarakat yang memiliki kebijaksanaan, keterampilan, spiritual yang tinggi dan akhlak yang mulia walaupun menghadapi krisis moral dalam kehidupan seperti berlakunya konflik ketirisan dan jenayah yang meningkat. Kerajaan Indonesia mahu membentuk karakter dengan menggunakan pendekatan Islam iaitu pendekatan adab. Kajian ini dilakukan untuk melihat pendekatan adab oleh Ibn Hajar al-Asqalany dan melihat kerelevanannya pendekatan adab dalam pendidikan karakter masyarakat di Indonesia. Hasil kajian ini menunjukkan pendekatan adab menurut Ibn Hajar al-Asqalany menyentuh tentang adab terhadap Allah S.W.T, adab dengan diri sendiri dan adab sesama manusia dalam membentuk karakter manusia yang baik.

Kajian Mohamad Kamil Abd Majid dan Rahimin Affandi Abd Rahim yang bertajuk Peralihan Sosial Dan Kesanya Terhadap Pembentukan Insaniah Berdasarkan Ibn Khaldun (2019). Kajian ini melihat tentang peralihan sosial dan insaniah yang mempunyai hubungan dengan islam hadhari berdasarkan pendekatan oleh Ibn Khaldun. Pendekatan Ibn Khaldun ialah gagasan islam hadhari yang mengandungi 10 prinsip. Antaranya, keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T, mengutamakan kebebasan rakyat, memetingkan ilmu pengatahan dan memiliki ekonomi yang stabil.

Kajian Alvin Qodri Lazuardy dan Puspita Ayu Lestari yang bertajuk Adab Pembelajaran Sains Menurut Islam (2021). Kajian ini membincangkan permasalahan yang diutarakan oleh Prof Naquib Al-Attas iaitu “Loos Of Adab”. Permasalahan ini akan memberi kesan dalam proses pembelajaran dan pengajaran ilmu pengatahan. Berlakunya kecelaruan menganalisis isi ilmu yang akan menimbulkan berat sebelah dalam pembelajaran dan pengajaran ilmu. Pada masa kini, bidang sains tidak mempraktikkan adab sebagai panduan dalam menganalisis kejadian alam. Pemasalahan ini pengkaji memaparkan kepentingan adab dalam pengajaran dan pembelajaran dalam mempelajari sains kerana matapelajaran ini sangat dititkberatkan dalam ajaran Islam.

Kajian Azmin Yusoff dan Muhamad Ismail Abdullah yang bertajuk Keunggulan Adab Persahabatan Sesama Manusia Dalam Islam (2017). Kajian ini menerangkan manusia merupakan makhluk ciptaan Allah S.W.T yang saling berhubung antara satu sama lain untuk berkembang. Oleh itu, manusia perlu hidup berpasangan, berkawan dan mempunyai keluarga. Kajian ini juga menyatakan perhubungan persahabatan ini sangat penting kerana ia akan dipersoalkan di akhirat. Kajian ini memberikan panduan berdasarkan Al-Quran dan sunnah dalam menjaga hubungan persahabatan. Hasil kajian ini menunjukkan agama Islam sangat mementingkan menjaga hubungan dalam berkawan dengan mengikut garis panduan Islam.

Kajian Asmawati Suhid (2006) yang bertajuk Adab Dan Akhlak Islam Berdasarkan Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes Di Selangor. Pendidikan sangat penting dalam membentuk modal insan yang berjaya. Pendidikan akan mananamkan adab dalam diri pelajar untuk membezakan perkara yang betul dan salah. Kajian ini melihat perkembangan pendidikan Islam dalam mengawal isu sosial dan moral. Kajian ini mendedahkan beberapa kelemahan pendidikan Islam dalam membentuk sahsiah pelajar. Kajian ini memfokuskan kerelevanannya pembahagian dari aspek pembelajaran di peringkat Pra universiti. Rekabentuk kajian ini menggunakan tinjauan diskriptif untuk mengumpulkan data kuantitatif di Petaling, Selangor.

Kajian Mohd Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah yang bertajuk Adab Guru Berdasarkan Imam Abu Hanifah (2014). Adab berguru merupakan tingkah laku yang sangat penting dalam dunia pendidikan. Kajian ini memberi panduan mengenai adab berdasarkan Abu Hanifah dalam Wasiyah Abi Hanifah Abi Yusuf yang patut diamalkan oleh guru. Hasil kajian menunjukkan dengan menggunakan adab dapat menyelesaikan isu pendidikan.

Kajian Adibah Sulaiman, Mohd Azmir dan Ahmad Norsyafwan yang bertajuk Pendekatan Pendidikan Islam Adab Berguru Dan Pelajar (2019). Kajian ini memberi pendedahan dalam pengajian Islam sangat memetingkan ajaran adab pada para pendidik. Namun begitu, perkembangan teknologi yang pesat membawa dunia pembelajaran dan pengajaran yang baharu. Pembelajaran dalam medium yang baharu ini juga memberi kesan dalam bidang pengajian Islam. Kajian ini berlandaskan pendekatan adab menurut Islam. Kajian ini menganalisis adab antara guru dan pelajar semasa pembelajaran dan pengajaran. Hasil kajian ini menunjukkan guru dan pelajar perlu menitikberat adab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana adab dapat menyampaikan ilmu pengatahanan dengan suasana harmoni.

Kajian Muhtar Tajudin dan Abdul Muhid yang bertajuk Analisis Psikologi Terhadap Adab Berguru Berdasarkan Kitab Adab al-Alim wa al-Muta'alim (2020). Kajian ini dilakukan untuk menganalisis adab berguru berdasarkan kitab Adab al-Alim wa al-Muta'alim yang dihasilkan oleh K.H.M Hashim Asya'ari dari sudut psikologi. Metod kajian ini ialah pendekatan kualitatif berdasarkan diskriptif analisis. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat beberapa kategori dalam adab guru iaitu berilmu, berkelakuan baik, bertauladan dan beramal. Adab menurut persepektif psikologi adab berkait rapat dengan amal ibadah, berkelakuan baik dan sentiasa mempunyai hubungan baik dengan Allah S.W.T.

Kajian Mohd Zulkifli Abdul Ghani, Abdul Ghafar dan Adawiyah Ismail yang bertajuk Adab Ikhtilaf Dalam Aktiviti Berdakwah Islamiyah (2015). Ikhtilaf merupakan hakikat kehidupan yang tidak boleh dipisahkan dan perlu dipisahkan dan perlu diuruskan berdasarkan syariat Islam. Adab Ikhltiaf sangat berkait rapat dengan dakwah Islamiyah untuk memastikan penyampaian dakwah berlaku dengan lancar, mudah difahami dan dihayati. Persoalan yang berlaku dalam kajian ini ialah adakah aktiviti dakwah pada masa kini dijalankan berdasarkan adab Ikhltiaf dan apakah langkah penerapan adab Ikhtilaf dalam aktiviti dakwah. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat pada masa kini perlu memahami adab Ikhtilaf bagi memastikan aktiviti dakwah berjalan dengan lancar.

Kajian Iyus Saepuloh yang bertajuk Adab Menyampaikan Dakwah Dalam Tafsir Al-Azhar Karya Hamka dan Tafsir Ayat Suci Lenyepaneun karya E. Hashim (2019). Melakukan aktiviti dakwah perlu mempunyai sifat adab yang mulia dalam diri pendakwah. Kajian ini dilakukan untuk mendedahkan nilai adab dalam melakukan aktiviti berdakwah berdasarkan tafsir Al-Azhar dan Ayat Suci Laenyepaneun. Metod kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan menganalisis teks tafsir Hamka dan E. Hashim. Hasil kajian ini ialah dalam melakukan aktiviti dakwah, para pendakwah harus mempunyai sifat lemah lembut, pandai berkata-kata dan berhujah tidak menggunakan emosi agar mesej kebaikan dapat sampai ke hati. Akhir sekali, walaupun terdapat perbezaan dalam berbagai pendapat, para pendakwah tidak seharusnya menghina berlainan agama untuk menggambarkan bahawa Islam mempunyai perwatakan yang baik.

Kajian Muhammad Arif yang bertajuk Adab Pergaulan Berdasarkan Imam Al-Ghazali: Kitab Bidayatul Al-Hidayah (2019). Sifat adab sangat penting dalam pergaulan sesama masyarakat. Adab sangat penting dalam bergaul sesama masyarakat, guru, ibubapa, warga emas, dan sahabat. Pada masa kini, kepentingan adab dipandang enteng dimata masyarakat. Permasalahan imi membawa kepada kajian ini untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Kajian ini menggunakan kitab Bidayatul Al-Hidayah merupakan sebuah panduan kepada manusia untuk menjadi seoarang yang beradab. Hasil kajian ini menunjukkan dalam kitab Bidayatul Al-Hidayah memberi panduan mengenai adab secara menyeluruh dalam kehidupan manusia untuk mengelakkan perkara maksiat, beradab ketika menghadapi masyarakat, dan adab terhadap pencipta Allah S.W.T. Adab berada dalam buku ini perlu ada dalam diri agar dapat mengatasi ketirisan adab dalam diri.

Kajian Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh yang bertajuk Pemikiran Masyarakat Melayu Mengenai Ilmu Dan Adab Berdasarkan Puisi Melayu Tradisional (2015). Kajian ini membincangkan pemikiran masyarakat melayu tentang adab dan ilmu dalam puisi melayu tradisional seperti pantun, peribahasa dan syair. Perbincangan mengenai pemikiran manusia sudah bermula sejak zaman Aristotle dan Plato dalam menganalisis jawapan mengenai alam kehidupan. Metod kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis teks yang mengandungi puisi melayu tradisional. Hasil kajian menunjukkan puisi melayu tradisional menggambarkan pemikiran masyarakat melayu yang kritikal dan kreatif selaras dengan ajaran agama Islam bersandarkan wahyu dari Allah S.W.T.

Kajian Arief Khairul Huda yang bertajuk Adab Guru Dan Murid Berdasarkan Imam Nawawi (2020). Kajian ini dilakukan untuk mendedahkan adab guru dan murid mengikut perspektif Imam Nawawi berdasarkan kitab At-Tibyun Fi Adabi Hammalani Al-Quran. Kajian ini dapat memberi panduan kepada para guru dan pelajar memiliki adab dalam diri masing-masing bagi memastikan proses pendidikan berjalan lancar. Metod kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah perpustakaan, buku dan jurnal. Hasil kajian ini menunjukkan adab sesama guru dengan murid perlu mempunyai sifat ikhlas dalam mencari keredhaan Allah S.W.T. Guru dan pelajar perlu hormat-menghormati dan kasih sayang ketika mengadakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian Muhammad Nur- Al Hakim Mohammad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob yang bertajuk Sifat Islam Dalam Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Jenaka Melayu (2020). Cerita rakyat masyarakat melayu menggambarkan gaya kehidupan masyarakat melayu. Nilai-nilai Islam juga terpapar dalam cerita jenaka melayu kerana masyarakat melayu pada ketika itu majoriti beragama Islam. Tujuan kajian ini ialah mengkaji nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerita jenaka melayu yang memberi pengaruh terhadap sikap masyarakat melayu. Kajian ini menggunakan Teori Takmilah untuk memberi panduan kepada pengkaji untuk menganalisis data kajian. Kajian ini pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis teks. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat nilai-nilai Islam seperti bersyukur, taat. Setia dalam persahabatan dalam koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia. Penerapan nilai-nilai Islam ini membuktikan masyarakat melayu bujak dengan menerapkan sifat-sifat baik dalam cerita rakyat agar masyarakat melayu menjadi seorang yang baik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Pemerintahan

Kajian Norshariza Mohamed Faizal, Siti Saniah Abu Bakar dan Hasrina Baharum yang bertajuk Kaerah Penolakan Kaum Melayu Antara Pemimpin Berdasarkan Teks Sejarah Melayu (2020). Masyarakat melayu kaya dengan kehalusan bahasa yang indah dalam melakukan penolakan. Kajian ini dilakukan untuk melihat bagaimana langkah yang dilakukan untuk melakukan penolakan antara golongan pemerintah. Kajian ini menggunakan pendekatan Kesopanan yang diperkenalkan oleh Brown dan Levinson. Pendekatan ini digunakan dalam menganalisis teks Sulalatus Salatin. Hasil kajian menunjukkan masyarakat melayu mengamalkan budi bahasa dalam melakukan penolakan. Budi dalam masyarakat melayu bukan sahaja dipraktikan dalam bahasa tetapi ia juga diamalkan dalam adat mereka.

Kajian Wan Norhasinah Haji Wan Hussin yang bertajuk Nilai Islam Sebagai Pendekatan Pembentukan Jati Diri Melayu: Analisis Berdasarkan Persepektif Peradaban (2010). Kajian ini membincangkan fungsi dan nilai budi dalam mencorakkan perwatakan seseorang dari segi akal dan sikap. Kajian ini membuktikan nilai budi merupakan tunjang utama dalam membentuk diri melayu. Sifat budi lahir secara semulajadi dan budi itu diperkemaskan lagi dalam sistem kemasyarakatan yang mempunyai unsur laut dan semangat padi. Gabungan antara budi dengan Islam telah mewujudkan nilai-nilai murni yang lain iaitu baik hati, bertolak-ansur, peramah, hormat-menghormati dan bekerjasama. Sikap budi Islam ini boleh dilihat ketika zaman pemerintahan Melayu-Hindu Srivijaya dan Kesultanan Melayu Melaka.

Salmah Jan Noor Muhammad (2006) kajian beliau yang bertajuk Menelusuri Adab Perundingan Pemerintahan Kerajaan Kesultanan Melayu Dalam Menjalankan Hubungan Diplomatik. Kajian ini membincangkan adab perundingan yang digunakan oleh pemerintah sebuah kerajaan pada zaman kesultanan melayu dalam menjalankan hubungan diplomatik. Tanpa adab perundingan yang betul akan menyebabkan ketidakstabilan politik dan perperangan akan berlaku. Kajian ini memfokuskan karya AlTarikh Salasilah Negeri Kedah oleh Muhammad Hassan Dato Kerani Muhammad Arshaddan.

Salmah Jan Noor Muhammad (2018) kajian beliau yang bertajuk Implikasi Hubungan Diplomatik Terhadap Kerajaan Melaka dan Kedah Berdasarkan Naskah Melayu Tradisional. Kajian ini membincangkan hubungan diplomatik dalam kerajaan Melaka dan Kedah sebagai sebuah kerajaan tertua di Nusantara dengan mengambil beberapa peristiwa penting yang terdapat dalam karya Sulalatus Salatin, Hikayat Merong Mahawangsa, dan Hikayat Hang Tuah. Hubungan diplomatik yang dijalankan oleh pemerintah ini memberi satu impak yang positif dari segi ekonomi, politik dan sosiobudaya.

Kajian H. Abdul Halim kuning yang bertajuk Kajian Adab Kesusasteraan pada zaman kerajaan Assabiyah (2017). Kajian menganalisis aspek adab pada zaman kerajaan Abbasiyah yang lahir pada 780 Masihi. Kerajaan ini telah menjadi tunjang yang besar dalam aspek adab melalui karya kesusasteraan arab. al-adab dan al-Islam menjadi perhatian pemimpin Abbasiyah dalam menjalankan pentadbiran sehingga kerajaan Abbasiyah mencapai zaman keemasanya. Zaman keemasan kerajaan Abbasiyah boleh dilihat pada zaman Khulafa Harun Al-Rashid dan Zaman pemerintahan al Ma-mun. Memiliki sifat adab dalam kepimpinan kerajaan Abbasiyah ini berlakunya pembangunan yang sangat pesat. Seluruh hasil pendapatan negara disumbangkan kepada pembangunan infrastruktur seperti hospital, sekolah, kedai dan pusat kebudayaan.

Kajian Yogi Prasetyo yang bertajuk Adab Sebagai Politik Hukum Islam (2017). Kajian ini dibuat untuk mendedahkan pendekatan adab dalam dunia politik. Ajaran Islam merupakan sebuah agama peradaban yang sangat menjaga kebaikan dari segi dunia dan akhirat dengan memberi didikan adab kepada manusia. Ajaran adab islam yang menyentuh pelbagai aspek seperti politik membolehkan adab dapat dipraktikan dalam dunia politik dengan mengajar berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. Ajaran adab ini mengandungi hukum-hakam Allah yang dapat memberi kebaikan kepada seluruh umat. Hasil kajian ini menunjukkan dengan merendahkan ego dalam diri dapat mewujudkan suasana politik yang harmoni. Selain itu, sebagai pemimpin politik harus mempunyai kebijaksanaan yang dapat memberi manfaat kepada umat masyarakat.

Kajian Samsul Hakim yang bertajuk Kajian Aksiologi Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Sejarah Perang Uhud. Kajian ini mendalami peperangan dalam sejarah Islam. Kajian ini mendalami perang Uhud yang berlaku pada zaman Rasullulah S.A.W. Memperlajari sejarah Perang Uhud memberi pengajaran dan pedoman yang membentuk sikap masyarakat orang Islam untuk menjadi seorang yang baik. Menggunakan persepsi aksiologi dalam melihat nilai pendidikan. Kajian ini menggunakan analisis isi untuk mengkaji nilai-nilai Islam yang terdapat dalam Perang Uhud. Hasil kajian ini menunjukkan nilai kebaikan Islam yang patut menjadi contoh untuk kehidupan umat Islam. Kebaikan yang terdapat dalam Perang Uhud ini meliputi dari pelbagai aspek seperti pemimpin, individu, dan masyarakat.

Kajian Salmah Jan Noor Muhammad yang bertajuk Hubungan Diplomatik Berdasarkan Manuskrip Melayu (2020). Kajian ini membincangkan hubungan diplomatik yang dijalankan ketika zaman pemerintahan kerajaan melayu dahulu. Hubungan diplomatik dijalankan antara kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan sesebuah negara. Hubungan diplomatik yang terjalin ini membuktikan sesebuah kejayaan kepada kerajaan tersebut. Keintelektual sangat penting dalam menjalankan hubungan diplomatik untuk memastikan proses perjanjian yang dipersetujui berjalan dengan lancar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan kaedah analisis teks untuk mengumpul data kajian. Kajian ini menggunakan teks Sulalatus Salatin yang diselenggarakan A.Samad Ahmad. Hasil kajian menunjukkan kerajaan melayu telah menjalankan hubungan diplomatik dengan kerajaan Pasai. Hubungan ini boleh dilihat ketika pemerintahan Sultan Mansur Syah pada abad ke-13 44 Masihi. Hubungan diplomatik ini dijalankan untuk mengukuhkan kedudukan agama Islam.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.5 Tinjauan Literatur Berkaitan Bustan al-Salatin

Kajian Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Ghaddafi Hanafiah yang bertajuk Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi Ke Kontemporari (2017). Kajian ini memberi fokus kepada karya-karya ketatanegaraan Melayu Tradisional yang membincangkan keadilan dalam kepimpinan raja-raja melayu. Karya ketatanegaraan ini sangat penting bagi raja-raja melayu kerana memberi panduan untuk menjadi pemimpin yang adil dalam menjalankan tanggungjawab sebagai ketua pemerintah atau khalifah Allah. Karya-karya ketatanegaraan melayu tradisional pada abad ke-15 sehingga ke-19 digunakan dalam menganalisis keadilan raja-raja melayu. Metod kajian ini menggunakan pendekatan adab yang diperkenalkan oleh Syed Naquib Al-Attas (2001). Kajian ini menggunakan karya ketatanegaraan seperti Taj al-Salatin, Bustanus Al-Salatin dan Thamarat AlMuhimmah. Perlembagaan Malaysia pula digunakan untuk mengkaji keadilan raja-raja melayu dalam era kontemporari. Hasil kajian ini menggunakan karya ketatanegaraan melayu tradisional memberi panduan mengenai kepentingan adab yang perlu ada dalam diri pemimpin yang seimbang didunia dan diakhirat. Karya ketatanegaraan ini menyuruh pemimpin menjalinkan hubungan dengan Allah (hablumminallah) dan menjalinkan hubungan baik dengan manusia atau rakyat (hablumminannas). Suruhan didalam karya ketatanegaraan ini dipraktikkan oleh raja-raja Melayu pada zaman kontemporari.

Kajian Rozita Che Rodi, Hahim Musa dan Salmah Jan Noor Muhammad yang bertajuk Bustan Al-Salatin karya Nuruddin Ar-Raniri: Perintis Meangkat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asia Tenggara (2017). Kajian ini memfokuskan karya Bustanus Salatin yang dihasilkan oleh Nuruddin Al-Raniri yang merupakan sebuah karya ketatanegaraan yang mempunyai keistimewaan tinggi. Isi kandungan dalam karya ini mebincangkan ilmu ketamadunan melayu seperti perubatan dan ilmu firasat yang meangkat ilmu pengatahan melayu. Karya ini juga dijadikan panduan kepada pemimpin, raja dan menteri dalam menjalankan pentadbiran. Kajian ini menganalisis isi teks karya yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium untuk menghantar mesej dan pengajaran kepada Sultan Aceh. Perkara ini menunjukkan Bahasa Melayu merupakan bahasa yang berintelektual tinggi, bahasa perhubungan untuk menyampaikan pedoman kepada Sultan Aceh untuk mentadbir negara secara sistematis.

Kajian Nor Ashikin Binti Mohd Nor dan Salmah Jan Noor Muhammad kajian (2017) yang bertajuk Bustan Al-Salatin Panduan Kepada Pemerintahan Islam Yang Adil Oleh Golongan Pembantu Raja. Kajian ini membincangkan konsep keadilan dalam Islam oleh golongan pembesar dalam Bustan Al-Salatin dan mengkaji tentang amalan keadilan dalam pemerintahan kerajaan. Jelani Harun (2001) kajian yang bertajuk Ringkas Berbetulan Lekas: Karya Ketatanegaraan Melayu Yang Terakhir. Kajian ini membincangkan adab yang perlu ada dalam diri raja dan pembesar dalam berhubung dengan rakyat jelata. Kajian ini memberi fokus dalam karya Kitab Kumpulan Ringkas Bebetulan Lekas oleh Raja Ali Kelana.

Nor Afizah Mohd Nasir Salmah binti Mohammad Noor (2018) kajian beliau yang bertajuk Pengukuhan Kuasa Pemerintahan 31 Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah. Kajian ini membincangkan kaedah pengukuhan kuasa yang digunakan oleh raja dan kesan daripada kaedah pengukuhan kuasa terhadap kerajaan kesultanan melayu Kedah. Kaedah yang digunakan untuk pengukuhan kuasa ialah pembatasan hubungan raja dengan rakyat, kawalan sosial dan kepatuhan.

Kajian Shah Rul Anuar Bin Nordin yang bertajuk Ideologi Politik Islam Di Aceh: Kajian Perbezaan antara kitab Taj Al-Salatin, Bustanus Salatin dan Sulalatus Salatin. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam karya ketatanegaraan Bustanus Salatin, Sulalatus Salatin dan Taj Al-Salatin. Karya yang dihasilkan oleh golongan agamawan yang wujud pada zaman dahulu dan karya golongan politik Islam pada zaman moden turut dikaji. Metod kajian ini berbentuk kajian kualitatif untuk melihat persepsi pemikiran yang terdapat dalam karya itu. Pengumpulan maklumat melalui karya-karya manuskrip, temubual dan pengalaman dibuat. Hasil kajian menunjukkan ini ialah terdapat persamaan idea pemikiran politik dan perbezaan boleh dilihat iaitu mengenai gaya kepimpinan wanita dalam karya tersebut. Kitab Taj Al-Salatin merupakan karya yang mengandungi persepsi mengenai politik. Gaya pemikiran politik di zaman kontemporari ini dipengaruhi pemikiran sekularisme dimana memisahkan politik dengan agama. Gaya penulisan Taj Al-Salatin dan Bustanus Salatin mengandungi tasawuf. Gaya penulisan Sulalatus Salatin menggunakan kaedah penceritaan dan pensejarahan seperti yang boleh dilihat Hikayat Raja Pasai. Faktor-faktor luar seperti sosiopolitik, persekitaran, latar masa dan kebudayaan mempengaruhi corak penulisan karya yang dihasilkan menjadi penyebab karya ini berpengaruh.

Kajian Hussain Othman yang bertajuk Malay Historical Thought (2008). Kajian ini membincangkan gaya penulisan dalam Sulalatus Salatin, Hikayat Raja Pasai dan Bustanus Salatin. Hasil kajian menunjukkan masyarakat melayu mempunyai keunikan pemikiran mengenai sejarah. Gaya penyampaian pensejarahan yang unik iaitu menyampaikan secara perlambangan yang mengandungi unsur tersurat dan tersirat.

Kajian Nor Afia Mohd Nasir dan Salamah Jan Noor Muhammad yang bertajuk Kestabilan Pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah (2018). Undang-undang dicipta untuk melindungi sesebuah negara daripada diancam anasir buruk yang dapat mengugat keamanan dan kestabilan negara. Undang-undang Kedah merupakan sebuah undang-undang yang memberi panduan kepada golongan pemerintah mentadbir sesebuah negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kuasa yang diperkenalkan oleh R.P French bagi membantu pengkaji menganalisis kajian ini. Kajian ini dilakukan untuk melihat cara yang digunakan bagi menjamin kestabilan dan keamanan negeri Kedah. Hasil kajian menunjukkan pengawalan sosial, mewajibkan taat kepada pemerintah dan membezakan hubungan antara rakyat dengan raja merupakan kaedah yang digunakan bagi menjaga keharmoninan negara.

## 2.6 Kajian literatur berkaitan karya ketatanegaraan

Kajian Hashim Awang dan Hashim Ismail yang bertajuk Pemikiran Pengkarya Melayu: Keakraban Hubungan Antara Budaya Melayu Jawa Dalam Karya Ketatanegaraan Sulalatu Salatin (2016). Keagungan karya melayu terserlah kerana mempamerkan sifat-sifat yang terpuji orang melayu iaitu jati diri. Kajian ini membawa kepada kaedah yang berlainan dalam mengkaji karya melayu. Pendekatan Puitika Sastera Melayu diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh dan Teori Pengkaedahan Melayu diperkenalkan oleh Hashim Awang untuk mengkaji karya-karya orang melayu. Menggunakan pendekatan ini dapat mengenalpasti apakah ciri-ciri jati diri orang melayu yang terdapat dalam Sulalatus Salatin.

Kajian Muhammad Fauzi Asmani yang bertajuk Kepahlawanan Melayu Dalam Meangkat Ketamadunan Bangsa Dan Agama (2020). Kajian ini dibuat untuk menjawab persoalan mengenai apakah langkah-langkah dibuat dalam mempertahankan agama Islam dan maruah orang melayu. Menjawab persoalan ini pengkaji menggunakan sumber ilmiah dan karya-karya sejarawan yang membincangkan kepahlawanan orang Melayu. Hasil kajian menunjukkan orang melayu merupakan bangsa yang mempunyai misi dan visi yang jelas iaitu meangkat tinggi martabat agama Islam dengan menggunakan pelbagai cara. Selain meangkat martabat agama Islam orang melayu juga meangkat bahasa Melayu dan tulisan jawi sebagai sebuah khazanah negara yang bernilai.

Kajian Harun Daud yang bertajuk Sulalatus Salatin: Analisis Kajian Dari Segi Pensejarahan Kebudayaan (1989). Kajian ini membincangkan isu tentang adakah karya ini memaparkan sumber pensejarahan kebudayaan bangsa. Kajian ini membincangkan gaya pemikiran masyarakat melayu dari segi politik, ekonomi dan sosial. Hasil kajian menunjukkan sejarah melayu mempunyai ciri-ciri yang boleh dilihat dari pelbagai aspek. Nilai-nilai yang terdapat dalam Sulalatus Salatin ini harus diambil dijadikan pedoman oleh masyarakat melayu pada masa kini untuk membentuk masyarakat yang bertamadun.

Kajian Datuk Zainal Abidin Borhan yang bertajuk Janji, Amanat Dan Panduan Berdasarkan Sulalatus Salatin: Pengajaran Untuk Pemerintah Melayu (2012). Kajian ini menganalisis gaya kepimpinan dan tokoh kepimpinan melayu berdasarkan pedoman dan perjanjian yang terdapat dalam Sulalatus Salatin. Kajian ini merujuk teks yang disusun oleh A. Samad Hamad yang disusun oleh Muhammad Haji Salleh dan Abdul Rahim Ismail. Kajian ini mengemukakan pemikiran yang mustahak melalui perjanjian, amanat dan panduan yang boleh memberi pengajaran kepada pemimpin melayu pada zaman ini.

Kajian Siti Rabiatul Adawiah Binti Jaafar yang bertajuk Kebudayaan Ketara Dalam Teks Sulalatus Salatin Dan Misa Melayu (2017). Kajian ini dilakukan untuk menfokuskan teks ketatanegaraan iaitu Sulalatus Salatin dan Misa Melayu. Kajian ini akan mengupas ciri-ciri budaya ketara yang terdapat dalam Sulalatus Salatin dan Misa Melayu dan menyatakan peranan budaya ketara terhadap masyarakat melayu. Pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif dan menggunakan pendekatan kebudayaan yang diperkenalkan oleh Malik Bennabi bagi membantu pengkaji dalam menganalisis data. Pendekatan kebudayaan ini mempunyai prinsip moral, keindahan, akal kerja dan kemajuan. Hasil kajian menunjukkan kebudayaan ketara dalam Sulalatus Salatin dan Misa Melayu mempunyai peranan penting dalam merangka kebudayaan masyarakat melayu.

Kebudayaan ketara ini akan membentuk sebuah ketamadunan dan peradaban masyarakat melayu.

Kajian Maryam Syafiqa Mohd Sayuti dan Jamilah Omar yang bertajuk Sifat Kepimpinan Dalam Teks Sulalatus Salatin (2017). Kajian ini membincangkan sifat-sifat terpuji dalam diri seorang pemimpin yang memerintah keraajan Melaka berdasarkan Sulalatus Salatin. Kajian ini memfokuskan sifat-sifat kepimpinan yang terdapat Sulalatus Salatin dan fungsi sifat kepimpinan dalam perkembangan sahsiah pembaca Sulalatus Salatin. Kajian ini memfokuskan golongan pemerintah seperti raja, pembesar yang mempunyai tugas membangunkan dan mempertahankan negara. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis teks untuk mengupas sifat kepimpinan dalam Sulalatus Salatin. Kajian ini sangat mustahak dilakukan untuk memberi gambaran kepada masyarakat kini bahawa pemimpin terdahulu sangat bijak dalam mentadbir negara. Sifat-sifat kepimpinan dalam Sulalatus Salatin patut dijadikan contoh kepada pemimpin pada masa kini.

Kajian Mohd Norizam dan Shaiful Bahri Md Rodzi yang bertajuk Analisis Kesusasteraan Melayu Tradisional Sebagai Medium Media Perhubungan (2015). Kajian ini membincangkan posisi dan peranan kesusasteraan melayu menjadi medium komunikasi massa. Kajian ini juga menyatakan kerelevanannya kesusasteraan melayu sebagai menyampaikan pedoman dan pengajaran, menyampaikan ilmu pengatahan sambil berhibur kepada masyarakat, Pengkaji menggunakan pendekatan konseptual bagi membantu menganalisis cara kesusasteraan melayu bergerak menyampaikan mesej pengajaran kepada masyarakat.

Kajian Salihah Razak, Salmah Jan Noor Muhammad dan Adi Yasran Abdul Aziz yang bertajuk Sikap Amanah Dalam Teks Sulalatus Salatin (2017). Kajian ini dilakukan untuk mengupas sikap amanah dalam teks Sulalatus Salatin berpandukan syariat Islam iaitu al-Quran dan hadis. Sifat amanah merupakan sebahagian sifat yang terpuji. Pemimpion harus mempunyai sikap amanah dalam mentadbir kerajaan. Sikap amanah merupakan suatu tugas yang diberikan dan dilaksanakan dengan baik. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah analisis teks untuk melihat sifat amanah dalam teks Sulalatus Salatin. Hasil kajian menunjukkan sifat amanah dalam teks Sulalatus Salatin tidak dijalankan mengikut syariat Islam.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulanya, pelbagai kajian yang telah dibuat oleh para sarjana mengenai adab, pendekatan adab, adab pemerintahan, analisis karya teks Bustanus Salatin, dan karya teks ketatanegaraan. Sorotan kajian lepas yang padat ini dapat membantu pengkaji melakukan pembacaan dengan mendalam sebelum melakukan kajian. Persoalan yang timbul ketika melakukan kajian pengkaji akan merujuk kertas kajian yang dibuat oleh para pengkaji terdahulu. Kajian yang dibuat oleh sarjana ini menjelaskan dengan mendalam mengenai kepentingan sifat adab dalam diri pemimpin. Kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana ini dapat membantu pengkaji menjawab objektif yang dibuat.

## BAB 3

### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan satu kaedah atau pendekatan yang digunakan dalam menganalisis objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian akan mengukuhkan aktiviti kajian yang lebih sistematik dan memberi kemudahan kepada pengkaji untuk mencapai matlamat kajian. Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan satu proses pengkaji menetapkan prosedur dalam aspek pengumpulan data. Metodologi kajian bertujuan bagi memberi penjelasan secara terperinci tentang pengaplikasian kaedah untuk membina huraian berkenaan dengan kajian yang dipilih. Bab ini akan membincangkan tentang operasi standard atau cara penyelidikan yang akan digunakan sepanjang kajian ini. Pengkaji akan menganalisis dan menghurai agar dapat mencapai objektif secara tepat. Antara perkara yang penting untuk mencapai matlamat tersebut pengkaji akan menerangkan secara terperinci dalam bahagian ini.

UNIVERSITI  
[redacted]  
MALAYSIA  
[redacted]  
KELANTAN

### 3.2 KAJIAN KUALITATIF

Kajian kualitatif merupakan sebuah kajian semulajadi yang tidak mengikut data yang berdasarkan statistik atau penomboran. Menurut Denzin dan Lincoln (1994), kajian kualitatif melibatkan pelbagai kaedah secara berfokus dan menggunakan pendekatan semulajadi untuk melakukan aktiviti penyelidikan. Menurut Creswell (1994), kajian kualitatif sebagai satu proses ingin tahu sesuatu subjek yang menggunakan kaedah pengumpulan data untuk menganalisis permasalahan sosial. Manakala, menurut Bryman (2008) pendekatan kajian kualitatif adalah satu strategik penyelidikan yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Kekuatan bagi kajian kualitatif ialah pengkaji dapat melibatkan diri secara dekat dengan mendapat pandangan dari orang luar yang mahir dalam bidang kepakaranya. Perkara ini membolehkan pengkaji memperolehi jawapan yang positif terhadap isu yang rumit. Kelemahan bagi kajian kualitatif ialah mengambil tempoh masa yang lama bagi mengumpul, menafsir dan analisis data kajian.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### **3.3 PROSES PENGUMPULAN DATA**

#### **3.3.1 Perpustakaan**

Kaedah perpustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk memperoleh maklumat dan data yang berbentuk buku, majalah, tesis-tesis yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Bahan-bahan ilmiah ini boleh didapati di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Pejabat Pengurusan Ilmu Universiti Malaysia Kelantan, Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) Negeri Kelantan. Pengkaji juga menggunakan Online Database seperti Research Gate, OpenAthens, dan Quora bagi mencari sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai kajian yang dibuat. Pengkaji juga mudah memuat turun dokumen penting dari pusat pengajian tinggi dengan cepat. Melalui kaedah internet ini pengkaji dapat mencari maklumat berkaitan tajuk kajian ini. Penyelidik mencari maklumat dilaman web sesawang di internet berkaitan adab-adab pemerintah. Menggunakan kaedah ini dapat membantu pengkaji mendapat maklumat yang lebih luas dan terkini untuk menjawab objektif kajian. Maklumat daripada internet ini lebih meluas lagi dan tanpa mempunyai sempadan. Maklumat yang diperoleh ini akan dikumpulkan oleh pengkaji untuk menghasilkan penulisan yang mantap.


### **3.4 KAEADAH ANALISIS DATA**

#### **3.4.1 Kaedah Analisis Teks**

Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks sebagai proses mengeluarkan data yang terdapat dalam teks yang dipilih. Penggunaan kaedah ini pengkaji dapat mencari isi-isi penting yang membawa jawapan kepada objektif pengkaji. Maklumat yang diperoleh dari kaedah analisis teks ini lebih terjamin ketulenan kerana sudah berada dalam teks tersebut. Antara teks yang akan dianalisis oleh pengkaji ialah jurnal, buku ilmiah, disertasi dan tesis. Kajian ini pengkaji memfokuskan teks ketatanegaraan iaitu Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja-Raja Yang Adil karya Nuruddin Al- Raniri.

#### **3.4.2 Kaedah Analisis Teoritikal**

Pengkaji menggunakan pendekatan teoritikal yang merupakan pengaplikasian teori dalam menganalisis data kajian. Pengkaji akan memilih pendekatan teori yang sesuai yang membawa jawapan kepada objektif kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan adab yang diperkenalkan oleh Syed Naquib Al-Attas. Pendekatan adab yang dibawa oleh Syed Naquib Al-Attas ialah manusia perlu mempunyai empat perinsip yang perlu ada dalam diri manusia untuk menjad seorang manusia yang beradab iaitu ilmu pengatahan, kebijaksanaan, perbuatan amal dan keadilan. Memiliki empat prinsip ini seseorang itu dapat menjadi seorang yang beradab tinggi. Adab ini perlu ada dalam diri pemimpin yang akan memegang kuasa pentadbiran negara.



Metodologi Kajian Kualitatif

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.5 PENDEKATAN ADAB

Pendekatan adab merupakan konsep yang mempunyai kaitan dengan hubungan sosial, baik dan mulia. Pendekatan adab ini merupakan buah pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Menurut beliau, adab berkait rapat dengan ilmu (ilm), kebijaksanaan (hikmah), keadilan (adl) dan kebenaran (haqq). Manusia yang beradab perlu mempunyai ilmu pengatahan dan melaksanakan tugas dengan perbuatan (amal). Oleh itu, pemimpin yang mempunyai sifat adab harus bijak mengatur pemerintahnya dengan adil dan saksama seperti memberi bantuan kepada golongan yang berhak dan kelayakan. Pendekatan adab ini mengandungi empat prinsip yang perlu ada dalam sanubari manusia. Menjadi pemimpin insan adabi atau beradab pemimpin itu harus memiliki setiap prinsip adab secara tahap bertahap. Prinsip itu ialah ilmu, kebijaksanaan, keadilan dan amal ihsan. Agama Islam merupakan sebuah agama yang meletakkan ilmu di kedudukan yang paling tinggi. Adanya ilmu dalam diri akan memastikan pemimpin dan dipandang mulia di sisi Allah S.W.T.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Kebijaksanaan akan hadir bila seseorang pemimpin itu berilmu pengatahan. Seseorang pemimpin yang bijaksana akan bertindak secara waras yang akan mewujudkan sifat adil dalam diri. Menurut Wan Mohd Nor dalam kajianya yang bertajuk Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi, keadilan membawa maksud meletakkan sesuatu perkara yang betul ke tempat yang sebetulnya. Kesamarataan juga dapat dikaitkan dengan keadilan dimana suatu kebaikan dan keburukan dapat dikongsi secara sama rata. Prinsip keadilan dalam pendekatan sangat penting dalam pemerintahan agar setiap keputusan yang dibuat berlandaskan kebenaran dan keadilan. Setelah memiliki ketiga-tiga prinsip ini akan mewujudkan sifat 50 amal ihsan dalam kehidupan seseorang. Lahirnya insan yang terpuji kerana wujudnya sifat amal ihsan dalam diri. Amal membawa maksud kelakuan baik-manakala ihsan bermaksud melakukan amal ihsan kerana pahala akan diberi Allah S.W.T.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Menurut Syed Naquib Al-Attas, setiap pemimpin yang melakukan amal ihsan harus dimulakan dengan niat yang baik disusuli dengan sifat iltizam dan istiqamah yang mampu memberi manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat. Secara keseluruhan keempat-empat prinsip ini saling berkait rapat yang membentuk satu hieraki yang perlu dipenuhi oleh seseorang pemimpin untuk menjadi seorang yang beradab.



Pendekatan Adab Oleh Syed Naquib Al-Attas

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### 4.1 PENGENALAN

Kajian ini dilakukan terhadap dua teks iaitu Bustanus Salatin (Bab Ketiga) Kisah Raja-Raja Yang Adil iaitu pada menyatakan raja-raja yang adil, kadi, wazir, utusan dan katib dan Misa Melayu. Dalam karya ini pengkaji akan menganalisis adab-adab dalam pemerintahan dalam 2 karya tersebut berdasarkan pendekatan adab pandangan Syed Naquib Al-Attas. Pendekatan adab berdasarkan Syed Naquib Al-Attas mengandungi 4 prinsip yang perlu ada dalam seorang manusia untuk menjadi seorang insan adabi. Insan adabi merupakan seorang manusia mempunyai sifat kebaikan dalam kehidupan dari segi rohani dan jasmani (Wan Mohd Nor, 2005). Bagi menjadi manusia yang mempunyai kehidupan yang baik, manusia itu perlu mempunyai hubungan yang baik sesama manusia dan hubungan sesama tuhan. Menjaga dua hubungan ini perlu dijaga dengan baik untuk memainkan peranan sebagai khalifah Allah atau pemimpin dan hamba kepada pencipta-Nya.

MALAYSIA  
KELANTAN

## 4.2 ANALISIS KAJIAN

### 4.2.1 Menganalisis adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin berdasarkan pendekatan adab oleh Syed Naquib Al-Attas.

#### 4.2.1.1 PRINSIP KEBIJAKSANAAN DALAM BUSTANUS SALATIN

Menurut Syed Naquib al-Attas, kebijaksanaan merupakan satu ilmu yang memberitahu kepada manusia meletakkan sesuatu ke tempat yang benar. Kebijaksanaan merupakan satu proses pemikiran dalam jiwa manusia yang boleh membezakan perkara yang benar dan salah. Proses ini dilaksanakan mengikut pemilihan dan kemahuan seseorang itu berpandukan pengalaman sendiri. Ilmu sangat berkait rapat dengan kebijaksanaan kerana ilmu merupakan makanan untuk akal bagi melahirkan perbuatan yang bijak. Perbuatan baik akan mencerminkan diri seseorang yang bijaksana manakala perbuatan yang keji akan mencerminkan kebodohan seseorang itu. Setiap pemimpin perlu memiliki kebijaksanaan untuk mentadbir negara kerana ia terlibat dengan urusan pentadbiran dan keamanan negara.

Bustanus al-Salatin menggarapkan kebijaksanaan para pembesar dalam sesebuah kerajaan. Pembesar memainkan peranan penting dalam pentadbiran kerajaan kerana pembesar ini akan memberi nasihat kepada rajadan menjadi orang yang rapat dengan raja seperti kadi, bendahara, tok guru dan ulama. Dalam Bustan al-Salatin pengarang menceritakan kebijaksanaan pembesar dalam memberi nasihat kepada raja. Pembesar yang bijaksana tidak akan menegur raja secara terbuka atau dikhlayak orang ramai. Peneguran yang dilakukan oleh pembesar itu harus bersembunyi, perlu dibicarakan dengan sopan santun, dan secara bersemuka. Tindakan yang bijaksana ini dapat mengelakkan berlakunya kemurkaan raja terhadap pembesar dan memelihara kedudukan raja itu daripada malu. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan teks Bustanus Salatin:

*“Bagi segala menteri, apabila ia melihat suatu perangai yang tidak layak akan rajanya atau ia melihat suatu perangai yang tiada layak akan rajanya atau ia melihat kurang hemat rajanya, maka hendaklah ia berdatang sembah pada ketika yang sunyi melarangkan daripada pekerjaan itu supaya jangan tersebut nama raja dengan nama yang kekurangan dan kecelaan.”*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja-Raja Yang Adil: m/s 64

Pengarang Bustanus Salatin juga memberi nasihat kepada pembesar untuk menggunakan kebijaksanaan yang dimiliki olehnya digunakan sebaik mungkin digunakan ke jalan yang benar. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan teks Bustanus Salatin:

*Nasihat: Seyogianya bagi segala raja-raja, bahawa jangan segera didengarkannya akan barang suatu daripada sembah seorang wazirnya, jika ada wazirnya itu perdana menteri sekalipun, hingga diperiksanya juga akan segala barang yang dipersembahkanya itu, takut siapa tahu, ada juga dalamnya rahsia suatu perkerjaan yang khianat, kerana berapa kerajaan segala raja-raja pada zaman dahulu kala telah binasa kerana fitnah dan khianat menterinya juga.*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja-Raja Yang Adil: m/s 68

Berdasarkan petikan diatas, pengarang memberi nasihat kepada pemimpin untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap pembesar yang mempunyai tipu daya muslihat dan mahu melakukan penderhakaan secara sulit terhadap kerajaan. Sekiranya, pembesar ini diberi peluang untuk bergerak bebas, ia akan mempengaruhi raja dalam membuat keputusan yang boleh memberi kesan yang buruk dan kerugian kepada raja. Oleh itu, Nuruddin al-Raniri menasihati para raja untuk meneliti dan peka terhadap keputusan dan cadangan yang diberikan oleh pembesar.

#### **4.2.1.2 PRINSIP KEADILAN DALAM BUSTANUS SALATIN BAB KETIGA**

Keadilan dalam diri pemimpin ini dapat meletakkan dan membuat keputusan pada tempat yang sepatutnya (Wan Mohd Nor 2005:45). Memupuk sifat adil dalam diri ini, pemimpin perlu mempunyai ilmu dan kebijaksanaan. Pemimpin perlu adil dalam setiap pemerintahannya dari segi aspek dalam perhubungan masyarakat, hukuman atau undang-undang, harta negara, dan hak rakyat. Dalam karya Bustanus Salatin ini memaparkan kisah raja-raja dan pegawai pemerintah yang menekankan keadilan ketika memerintah negara. Mengamalkan sifat keadilan dalam diri setiap ketua pemerintah dan pegawai ini dapat memastikan struktur negara berada dalam landasan yang betul. Walaupun dalam karya Bustanus al-Salatin ini mengandungi kisah silam pemerintah yang dahulu ia tetap mengandungi kisah pengajaran dan pedoman yang patut dicontohi oleh pemimpin pada masa kini. Khalifah Umar al-Khattab (579-644 Masihi) merupakan pemimpin Khulafa Al-Rasyidin yang kedua. Beliau sangat dikenali yang mempunyai sifat adil, bertanggungjawab, sederhana dan tegas. Sifat keadilan jelas terdapat dalam diri khalifah Umar al-Khattab dimana beliau telah mengagihkan hartanya dengan membantu rakyatnya yang hidup kesusahan:

“Maka tatkala sedarlah ia daripada pengsanya itu maka katanya, “Hai saudaraku, apa hajatmu?”. Maka sahut perempuan tua itu, “Ya Amirulmukiminin, bahwasanya hamba dan segala anak hamba kelaparan. Maka Amirulmukminin kembali ke rumahnya serta dibawanya suatu bakul berisi tepung gandum pada bahu kananya dan suatu bakul berisi kurma pada bahunya kiri, lalu diberinya makan perempuan tua itu serta ia minta maaf. Maka perempuan tua itu pun menangislah ini tempat segala Islam membawa dirinya. Dilanjutkan Allah kiranya umur tuan hamba.”

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja-Raja Yang Adil: m/s 20

Berdasarkan petikan diatas, Khalifah Umar berasa sangat bersalah sehingga pengsan kerana tidak membantu rakyatnya ditimpa penderitaan kelaparan. Selepas beliau sedar dari pengsan, Khalifah Umar bergegas ke rumahnya mengambil makanan untuk keluarga perempuan tua itu. Khalifah Umar meminta maaf kepada perempuan tua itu kerana tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Peristiwa ini jelas memaparkan Khalifah Umar begitu adil dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah. Keadilan dalam diri Khalifah Umar ini akan memperoleh pahala yang berlipat ganda kerana beliau tidak menganiaya rakyatnya dalam kesusahan. Firman Allah Taala yang tersebut dalam Al-Quran {al-Nisa:40}:

“Bahawasanya Allah tidak menganiaya seorang pada sezarah sekalipun jikalau ada kebijakan itu kadar suatu zarah daripada mukmin nescaya digandakan pahalanyadari pada sepuluh kian terlebih daripada tujuh ratus kian dianugerahi-Nya daripada hadrat-Nya pahala yang berganda-ganda. Tiada akan kuasa seorang juapun memberi demikian itu.”

Al-Nisa:40

Terdapat peristiwa lagi yang memaparkan sifat keadilan dalam diri Khalifah Umar al-Khattab dalam membantu rakyatnya yang ditimpa kesusahan.

*Maka sabda Amirulmukminin akan dia, "Hai perempuan apa yang terjerang dalam periuk ini?" Maka sahut perempuan itu, "Suatu pun tiada di dalam periuk ini, hanya hambamelalikan kanak-kanak ini supaya sangka segala kanak-kanak ini ada hamba menanak makanan, nescaya sabarlah ia."*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 23

Selepas Khalifah Umar mendengar keluhan itu, Khalifah Umar pulang ke Madinah membawa tepung gandum dan daging dibawa ke rumah perempuan itu. Ketika melihat Khalifah Umar sedang meangkat barang makanan itu, Zaid ibn Muslim berkata:

“Ya Amirulmukiminin, tuan hamba beri kiranya hamba menanggung dia.” Maka sabdanya akan hamba, “Hai Zaid ibn Muslim, jikalau enkau menanggung tanggunganku ini maka siapa jua menanggung dosaku pada Hari Kiamat dan siapa menahan seksa-Nya akan daku?” Maka ia pun berjalanlah serta dengan tangisanya.”

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms24

Berdasarkan peristiwa diatas, jelas menunjukkan Khalifah Umar berasa sangat takut dengan balasan Allah S.W.T sekiranya gagal untuk melakukan adil dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pemimpin. Selain memaparkan kisah keadilan oleh Khalifah Umar, Nuruddin al-Raniri juga memaparkan kisah keadilan Nusyirwan Adil kepada rakyatnya. Nusyirwan Adil menyuruh hulubalangnya membeli garam dari penduduk kampung untuk memasak hasil pemburuan dengan membayar harga yang penuh tanpa dikurangkan sedikit pun. Tindakan yang dilakukan oleh Raja Nusyirwan Adil ini dipersoalkan oleh hulubalangnya. Lalu, Nusyirwan Adil menjawab:

“Tahukah kamu bahawa dahulu kala dalam dunia ini sedikit jua anaya. Maka tiap-tiap sekali raja-raja yang jadi kerajaan ditambahinya jua aniyanya sedikit itu hingga jadi bertambah- tambah anaya itu.... Jikalau raja itu mengambil sebiji buah kayu nescaya dibantun segala hulubalangnya dan segala hamba sahayanya pohon kayu itu dengan segala akarnya. Dan jika raja itu mengambil dengan aniyanya sebiji telur nescaya diambil hulubalang dan lasykar itu akan segala ayam dan unggas yang dalam negeri itu.”

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 147

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Berdasarkan petikan diatas, suruhan Nusyirwan Adil kepada hulubalang itu dilakukan untuk mengelakkan berlaku penaniayaan kepada peniaga kecil dan Nusyirwan Adil juga mahu membantu rakyatnya yang bermiaga. Dua tokoh pemimpin ini mempamerkan sifat pemimpin yang adil menjalankan tugas sebagai ketua kerajaan yang membantu rakyat dalam kesusahan. Wazir atau perdana menteri memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara iaitu menasihati sultan dan ketua pentadbiran. Dalam karya ketatanegaraan ini memaparkan sifat adil dalam menguruskan pentadbiran negara. Dimana wazir itu membantu golongan rakyat kesusahan menyampaikan amanat kepada raja:

*“Sekali peristiwa, pada suatu hari, datang seorang laki-laki kepada syeikh itu yang tiada dipерsembahkan kepada raja [„Adhud alAdilat?] di negeri [Syairan?] kerana ada suatu hajat kesukarannya. Demi didengar syeikh kata laki-laki itu. Maka tiada didapati syeikh kata laki-laki itu, maka ia pun pergila mengadap, maka tiada juga ia bertemu dengan raja. Demikianlah hal syeikh itu berulang hingga empat puluh kali pergi datang, tiada ia bertemu dengan raja. Kalakian ada seorang menteri raja itu mengetahui akan halnya yang demikian itu. Maka menteri itu pun pergi mengadap raja serta ia berdatang sembah, “Ya tuanku Syah Alam, bahwasanya Syeikh Jalal al-Din empat puluh kali ia datang kerana/ hendak mengadap dipерsembahkan hajat laki- laki si polan.” Setelah itupun, maka Syeikh Jalal al-Din datang mengadap raja. Demi dilihat raja akan syeikh itu, serta ia bersabda, “Ya tuan syeikh, ada hamba dengar bahawa tuan hamba berapa kali berulang datang kepada hamba kerana hendak menyampaikan hajat si polan itu dengan sekian kali tuan hamba. Apa jua hajatnya itu?” Maka sembah tuan syeikh, “Ya Tuanku Syah Alam, bahawa dipelelahkan [hamba] berulang-ulang itu pun kerana menghasilkan pekerjaan dan pahala bagi kesempurnaan Syah alam jua. Bahwasanya Allah Taala menganugerahi kebesaran-*

*dan kemuliaan dan kuasa, dapat Syah Alam memenuhi hajat seorang hamba Allah, jikalau tiada dipenuhi tuan hamba hajat seorang, nescaya hajat tuan hamba pun tiada dipenuhi Allah Taala, dan dijadikan-Nya tuan hamba muhtaj kepada orang yang lain daripada tuan hamba.” [Apabila didengar] raja sembah syeikh demikian itu, maka ia pun menangis dan pekerjaan laki-laki itu dipenuhinyaalah seperti kehendaknya.”*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 527-528

Berdasarkan peristiwa diatas, wazir membantu seorang syeikh yang ingin berjumpa dengan raja kerana syeikh itu telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk berjumpa dengan raja dengan ulan-alik sebanyak 40 kali untuk menyampaikan mesej daripada seorang lelaki. Sifat keadilan sosial yang dipamerkan oleh wazir ini dapat membantu rakyatnya yang tidak mempunyai autoriti untuk berjumpa dengan seorang raja. Keadilan yang terletak dalam hati wazir ini telah megecilkan jurang antara golongan pemerintah dengan golongan diperintah dan ia juga dapat merapatkan hubungan silaturahim dengan raja dan rakyat. Walaupun pertolongan yang dilakukan oleh wazir itu dilihat kecil. Pertolongan itu dapat memberi impak yang besar dalam menjaga kebijakan rakyat. Seperti firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

*“Perbuat olehmu kebijakan kepada segala hamba Allah seperti dianugerahi Allah Taala akan dikau kebijakan”*

Surah al-Qasas: Ayat 77

Jawatan Kadi merupakan seorang ketua agama yang diletakkan setiap daerah. Kadi akan menguruskan hal yang berkaitan jenayah dan sivil mengikut syariat islam yang berpandukan al-Quran dan Hadis. Sifat keadilan boleh dilihat dalam diri seorang Kadi ketika menguruskan undang-undang negara. Perkara ini boleh dilihat dalam peristiwa tersebut:

*“Kata kadi Abu Yusuf rahmatullah, iaitu kadi Raja Harun al-Rasyid, “Pada suatu hari, datang kepadaku seorang laki-laki Majusi mendakwa harta kepada Yahya Barmaki, serta hadir keduanya berdakwa. Maka kuminta saksi kepada Majusi. Maka sahutnya, “Tiada saksi kepada hamba”. Maka kusuruh akan Yahya bersumpah, maka ia bersumpahlah, serta redalah keduanya akan hukumku itu dan adalah kusamakan hukum antara Yahya dan Majusi, tiada lagi segala hatiku cenderung memenangkan seorang akan seorang, kerana takut aku lagi akan ditanyai Allah Taala daripada segala barang yang kuhukumkan.”*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 208

Berdasarkan petikan diatas, kadi Abu Yusuf melaksanakan permasalahan dengan adil dengan mengikut undang-undang Islam. Kadi Yusuf menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh lelaki Majusi dengan Yahya Bermaki dengan meminta pewakilan saksi setiap seorang. Sekiranya salah seorang tidak mempunyai saksi, kadi Abu Yusuf meminta mereka bersumpah. Mengikut undang-undang Islam seseorang harus memperlihatkan ketika waktu kesaksianya diberikan. Peristiwa yang berlaku diatas jelas menunjukkan kadi Abu Yusuf merupakan seorang yang adil ketika melaksanakan tanggungjawabnya. Bagi melahirkan seorang kadi yang adil ketika menguruskan undang-undang mereka perlu mengikut syarat-syarat untuk memegang jawatan tersebut:

*“Pertama, hendaklah beragama Islam,kedua hendaklah aqil, ketiga hendaklah ia merdeka, keempat hendaklah ia laki-laki, kelima hendaklah ia adil, keenam hendaklah ia melihat, ketujuh hendaklah ia berkata sempurna, dan kesembilan hendaklah ia mujahid iaitu hafiz al-Quran dan mengetahu hadis dan barang yang takluk kepada hukum kadi dan „am mutlaq dan muqqayat dan mansukh.”*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 207

Kadi yang adil merupakan seorang yang memahami tugas yang telah diberi tanggungjawab mengurus keamanan negara. Kadi yang mempamerkan sifat yang adil akan diberi ganjaran pahala yang berlipat ganda dan dimasukkan syurga. Sekiranya, seorang kadi gagal melaksanakan tugas dengan baik ia akan memberi kesan kestabilan pentadbiran dan keamanan negara. Kadi itu akan menerima balasan dosa dan pintu neraka akan menanti mereka. Perkara mengenai ini terdapat dalam petikan Bustanus Salatin iaitu:

UNIVERSITI  
[redacted]  
MALAYSIA  
[redacted]  
KELANTAN

*Kata sahibulhikayat, tatkala Abbas anak Muawiyah jadi kadi, maka datang kepadanya Syeikh Abu Hassan al-Basri radiallahuanhu. Maka dilihatnya akan Abbas terlalu sangat dukacitanya serta dengan tangisnya. Maka kata Syeikh Hassan al-Basri akan dia, “Ngapa maka tuan hamba menangis? Maka sahutnya, “Ya syeikh, terlebih hamba dengar suatu sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam. Ertinya: “segala kadi itu tiga bangsa, dua bangsa daripadanya masuk neraka, dan sebangsa daripada ia masuk syurga. Pertama-tama kadi yang menghukumkan dengan tiada sebenarnya dengan pengetahuannya maka iaitu masuk neraka, dan yang kedua kadi yang menghukumkan serta dengan tiada pengetahuannya maka dibinasakan hak manusia iaitu masuk neraka, ketiga daripadanya kadi yang menghukumkan dengan sebenarnya maka iaitulah masuk syurga”*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 497

Tugas yang dipikul oleh kadi ini jelas sangat berat tetapi balasan pahala dan ganjaran syurga sangat berbaloi untuk dinikmati. Bagi memperolehi ganjaran tersebut seorang kadi harus melaksanakan undang-undang mengikut syarak dan tidak melaksanakan undang-undang mengikut adat. Jika melaksanakan undang-undang dengan mengikut adat maka kadi itu mendapat kecelakaan dari Allah. Seperti firman Allah S.W.T. dalam al-quran:

*Barang siapa tiada menghukumkan dengan barang yang diturunkan Allah Taala maka segala mereka itulah kafir.*

Surah al-Maidah: Ayat44

Menurut Syeikh Hasan Al- Basri menyenaraikan tiga perkara yang harus dilelakkan untuk menjadi seorang kadi yang adil. Antaranya, seorang kadi juga harus mengelakkan melaksanakan undang-undang dengan mengikut hawa nafsu. Seperti firman Allah dalam al-Quran:

*“Jangan mereka itu mengikut hawa nafsunya”*

Surah al-Sadd: Ayat 26

Perkara yang kedua pula:

*“Jangan dijual mereka itu dengan harga yang sedikit yakni jangan menghukumkan lain daripada hukum syarat kerana adat dunia.”*

Surah al-Baqarah: Ayat 41

Perkara yang ketiga pula:

*“Jangan mereka itu takut akan segala manusia”*

Surah al- Maidah:44

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Berdasarkan 3 perkara yang dikatakan oleh Syeikh Hassan al-Basri, kadi untuk melakukan adil harus mempunyai sifat berani tidak gentar dengan mana-mana manusia. Kadi yang tidak berani dengan manusia ini akan menyebabkan keputusan yang dilakukan oleh kadi tersebut dapat dimanipulasikan oleh manusia yang memegang jawatan tinggi. Seorang kadi juga harus dilakukan melaksanakan undang-undang dengan mengikut hawa nafsu. Membuat keputusan mengikut nafsu ini akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan dan dapat mewujudkan unsur fitnah antara satu sama lain. Perkara ini akan menyebabkan keamanan dan keharmonian negara terencat. Sifat adil dalam kadi ini akan mewujudkan pemikiran waras dalam melaksanakan undang-undang. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan Bustanus Salatin:

*Syahadan nyatalah hikayat ini, barangsiapa ada baginya ilmu sekalipun bahawasanya akalnya itulah menyampaikan dia kepada martabat yang ketinggiannya. Dan barangsiapa ada baginya ilmu dan tiada baginya akal, nescaya kembalilah segala pekerjaannya terbalik. Dan barangsiapa ada baginya sempurna akalnya serta alim, nescaya adalah ia di dalam dunai hakim yang bijaksana lagi ikutan segala manusia. Maka bahawasanya, keelokan dan kemuliaan dan kebesaran martabatnya dan kebijikannya segala hal dunianya dan akhiratnya dengan akal jua. Dan kesempurnaan segala suatu dengan dia jua. Dari kerana akal pohon iman dan pertengahannya dan kesudahannya.*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 135

Berdasarkan petikan diatas, penulis Bustanus Salatin mengibaratkan akal sebagai pokok keimanan seseorang. Sekiranya seseorang manusia tidak dapat berfikir dengan baik akan menggambarkan rapuhnya pohon keimanan. Seseorang manusia yang dapat berfikir dengan baik dapat meninggikan martabatnya dan memperoleh kehidupan yang sempurna. Mempunyai akal yang sihat dapat membuat seseorang itu dapat membuat keputusan yang bernalas. Dalam membuat keputusan kadi harus jauh daripada gangguan emosi yang dapat mempengaruhinya membuat keputusan secara rasional.



#### 4.2.1.3 PRINSIP ILMU DALAM BUSTANUS SALATIN BAB KETIGA

Ilmu sangat penting untuk menjadi makanan akal agar dapat menghasilkan sebuah kebijaksanaan. Seorang pemimpin yang mempunyai ilmu pengatahan dapat menangkat martabat seseorang dan dapat membina negara yang makmur. Seorang pemimpin yang berilmu dapat menghasilkan impak yang positif untuk kemajuan rakyat dan negara. Seorang yang berilmu juga akan memamerkan aura kebijaksanan dalam melakukan sesuatu tindakan dan keputusan. Seperti firman Allah dalam al-Quran dalam Surah al-Taubah:

*“Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya”*

Surah al-Taubah: Ayat122

Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda:

*“Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap kaum muslimin”*

(Hadis riwayat al-Imam Ibnu Majjah)

Bustanus al-Salatin Bab Ketiga ini memperlihatkan khalifah Umar merupakan seorang yang sangat mementingkan ilmu bagi membantunya bergerak dalam pemerintahan:

*"Hatta maka kami pun keluar dari sana. Tatkala itu bersabda Raja Harun al-Rasyid pada hamba, "Tiada jua dipenuhinya suatu jua pun kehendakku oleh taulanmu ini. Cari jua olehmu akan daku syeikh lagi supaya ku tanyai akan dia." Maka sembah hamba, "Ya Amirulmukminin, ada di sana suatu syeikh bernama Fadhil ibn Iyadh." Maka sabda Raja Harun al-Rasyid, "Bawai aku pergi ke sana." Maka hamba pun berjalanlah dengan dia hingga sampailah ke sana. Maka kami lihat ada ia dalam sembahyang membaca ayat Quran, diulang-ulanginya. Maka sabda Raja Harun al-Rasyid pada hamba, "Tepuk olehmu pintu ini." Maka hamba tepuklah pintunya. Maka katanya, "Siapa menepuk pintu itu?" Maka sahut hamba, "Mari tuan hamba, ini Amirulmukminin Harun al-Rasyid". Maka kata Syeikh Fadhil ibn Iyadh kerja hamba dengan Amirulmukminin itu?" Maka sahut hamba, "Subhanallah, tiidakah fardu atas tuan hamba menyahut Amirulmukminin itu?" Maka ia pun turunlah inembuka pintu akan kami lalu ia naik ke rumahnya. Demi didengar Raja Harun al-Rasyid sabda Nabi lallahu alaihi wasallam ini, maka ia pun menangis angan tangis yang amat sangat serta katanya akan dia Dikasihan Allah Taala akan tuan hamba, tambah pula hagi hamba pengajar tuan hamba. Maka kata Syeikh Fadhil ibn Iyadh akan Raja Harun al-Rasyid, "Hai yang amat elok, makanya tuan hambalah yang lagi akan ditanya Allah Taala pada Hari Kiamat daripada segala makhluk-Nya. Maka jika kuasa tuan memeliharkan diri tuan hamba daripada neraka, maka tuan hamba peliharakanlah diri tuan hamba, hubaya-hubaya, jangan pada tiap-tiap pagi dan petang dalam hati tuan hamba berbuat kejahatan akan segala rakyat tuan hamba. Bahawasanya Nabi sallallahu alaihi wasallam bersabda, Ertinya:*

*Barang siapa raja-raja berpagi-pagi ia menaruh demi kejahatan dalam hatinya atas segala rakyatnya tiadalah dijamin bau syurga.*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 77

Berdasarkan petikan diatas, khalifah Umar mencari syeikh untuk meminta pandangan untuk membantunya dalam pemerintahan. Sikap kesungguhan untuk menuntut ilmu yang dipamerkan oleh khalifah Umar untuk mencari syeikh ini perlu dicontohi oleh pemimpin pada masa kini. Pemimpin perlu mendampingi para ulama kerana mereka merupakan tempat untuk meminta nasihat, pandangan dan bimbingan kerana ulama merupakan pewarisan ilmu para nabi. Para ulama ini ibarat perlindungan kepada para pemimpin dan rakyat dari diselebungi dengan kemungkaran yang boleh membinasakan diri sendiri dan negara. Nuruddin al-Raniri juga memberi nasihat kepada para pembesar untuk menuntut ilmu. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan teks Bustanus Salatin:

*Nasihat: Seyogianya bagi segala raja-raja menyuruhkan segala wazirnya yang damping kepadanya berajar ilmu supaya jangan seklaian mereka itu bebal dan hendaklah diketahui segala hamba Allah martabat ilmu dan alim.*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms 6

#### 4.2.1.4 AMAL IHSAN DALAM BUSTANUS SALATIN (BAB KETIGA)

##### AMANAH

Sifat amanah perlu ada dalam diri pemimpin ketika menjalani pemerintahannya. Menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka, amanah bermaksud sesuatu mandat yang diberikan oleh orang lain kepada kita untuk diuruskan dengan baik. Dari perspektif Islam seseorang pemimpin yang memiliki sifat amanah akan mendapat kedudukan yang tinggi dalam sifat keindahan Islam dan mendapat sanjungan yang tinggi daripada rakyat. Sifat amanah ini juga menjadi indikator tahap keimanan dan ketinggian agama dalam diri pemimpin tersebut. Rasullullah S.A.W. bersabda,

*"Tiada iman bagi orang tidak memegang amanahnya dan tiada agama bagi orang tidak dapat dipegang janjinya."*

(HR Ahmad dan Dailani)

Amanah sangat dititikberatkan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin, seperti sabda Rasulullah S.A.W.:

*"Setiap orang daripada kamu ialah pemimpin bertanggungjawab terhadap orang bawahan dipimpinnya. Seorang lelaki ialah pelindung ahli keluarganya dan bertanggungjawab terhadap tanggungannya. Seorang wanita di rumah suaminya ialah pelindung dan penjaga bertanggungjawab terhadap jagaannya. Begitu juga seorang khadam sebagai penjaga amanah harta tuannya dan bertanggungjawab terhadap jagaan di bawahnya."*

(HR Bukhari)

Sifat amanah dalam Bustanus Salatin boleh dilihat dalam diri pemimpin zaman pemerintahan Khulafa Al-Rasyidin iaitu Khalifah Umar Bin Al-Khattab (23 Ogos 634 – 3 November 644). Beliau merupakan Khalifah Al-Rasyidin yang kedua selepas Abu Bakar As-Siddiq Beliau sangat terkenal dengan gelaran Al-Faruq yang membawa maksud pemisah antara hak dan batin. Sifat amanah dalam diri beliau boleh dilihat ketika beliau menguruskan pembendaharaan negara:

*“Sekali peristiwa, pada suatu hari, ditanyai orang akan yang memegang khazanah harta segala Islam. “Adakah Amirulmukminin Umar radiallahuanhu mengambil daripada harta segala Islam?” Maka sahut yang memegang khazanah itu, “Adalah Amirulmukminin dari mula jadi khalifah, apabila tiada / ada baginya suatu daripada [keperluannya] maka diambilnya sedikit daripada harta itu sekadar [keperluannya] juga. Apabila diperolehnya harta, maka dikembalikan harta yang diambilnya itu.”*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil: ms29

Berdasarkan petikan diatas, sifat amanah dipamerkan oleh Khalifah Umar kepada para pegawai pemerintah. Khalifah Umar menggunakan harta negara dengan sebaiknya ketika menjalankan pemerintahan negaranya. Setelah menggunakan harta negara itu, Khalifah Umar mengantikanya kembali. Pembelanjaan harta negara ini harus diuruskan dengan baik kerana harta itu diperoleh daripada rakyatnya sendiri. Oleh itu, rakyat menaruh kepercayaan kepada pemimpinya menggunakan harta yang diberikan dalam landasan yang betul seperti untuk pembangunan negara, membantu rakyat kesusahan dan meningkatkan infrastruktur negara.

## PATUH

Dalam pemerintahan rakyat juga terlibat dalam menjaga keamanan dan kestabilan negara. Rakyat perlu mempunyai adab iaitu patuh kepada pemerintah bagi membantu pemimpin negara menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Ketaatan rakyat kepada pemimpin juga dapat menentukan sesebuah kerajaan yang dibentuk dapat bertahan dengan aman dan harmoni. Dalam keratan akhbar Harian Metro yang bertarikh 3 Mei 2017, Prof Dr Abbas Syuman berkata:

*“Rakyat perlu merapatkan saf dengan meletakan kesetiaan dalam hati kepada pemimpin negara”*

Harian Metro 3 Mei 2017

Dalam Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja Yang Adil menyentuh mengenai rakyat perlu mematuhi kepada raja. Mengikuti segala arahan raja merupakan wajib keatas umat Islam dengan mengikut segala arahanya. Seperti firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

*“Hai segala mereka yang percaya, berbuat kebaktianlah akan Allah dan akan pesuruh-Nya dan ikut oleh kamu akan yang mengempukan pekerjaan dari kamu.”*

Al-Nisa:59

Patuh kepada pemimpin sangat dititikberatkan dalam Islam kerana ia akan memperoleh banyak manfaat semasa melakukan pekerjaan didunia dan diakhirat. Jika rakyat itu melanggar arahan dan bersikap kurang ajar kepada pemimpin negara akan dipanggil derhaka. Seperti sabda Rasullulah S.A.W.:

Barang siapa mati itu dan tiada diketahuinya dan tiada dikenalnya akan raja pada masanya itu maka sanya ia mati dengan kematianya yang derhaka. Nabi Muhammad S.A.W. bersabda lagi:

*“Barang siapa enggan daripada menurut yang mengempukan kerajaan tatkala di hadrat Allah Taala pada hari kiamat tiadalah suatu hajat baginya. Dan barang siapa mati tiada pada batang lehernya suatu perjanjian maka matilah ia dengan kematian yang derhaka, yakni tiada menjadikan atas dirinya raja.”*

(HR Bukhari)

Sekiranya rakyat mematuhi pemimpin ia akan memperoleh kehidupan yang baik, dipermudahkan urusan kehidupanya dan pahala yang berlipat ganda. Perkara ini jelas dalam sabda Rasullulah S.A.W:

*“Barang siapa berbuat bakti akan raja serasa berbuat bakti akan daku, dan barang siapa berbuat bakti akan daku serasa ia berbuat bakti kepada Allah, maka masuklah ia ke dalam syurga, dan barang siapa berbuat derhakan akan raja maka serasa ia derhaka akan Allah Taala, maka masuklah ia kedalam neraka.”*

(HR Bukhari)

Kejatuhan dalam sesuatu kerajaan boleh berlaku disebabkan kerana gagal mematuhi pemimpin dalam negaranya. Dalam Bustanus Salatin Bab Ketiga ini rakyat yang gagal mematuhi pemimpin seharusnya berperang dengannya. Perkara ini boleh dilihat dalam sabda Rasullullah S.A.W.:

*Bahawasanya lagi akan jadi kemudian daripada masaku fitnah dan [ghaza], maka barang siapa hendak bercerai segala jemaah Islam ini maka bunuh oleh kamu akan dia dengan pedang [tanpa mengira siapa dia].*

(HR Bukhari)

Namun begitu, sekiranya raja itu memerintahkan perkara yang tidak mengikut syariat Islam. Rakyat tidak seharusnya mengikut arahan pemerintah itu. Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

*“Fardu segala atas orang yang Islam mendengar kata rajanya dan berbuat bakti akan dia serta mengikut barang suruhnya, pada barang kesukaan atau kebajikan, melainkan jika disuruhnya berbuat durhaka akan Allah S.W.T., maka jangan didengarkan dan jangan ia mengikut suruhnya”*

(HR Bukhari)

Berdasarkan petikan diatas, terdapat peristiwa dimana rakyat tidak diwajibkan untuk mengikut arahan pemimpin yang zalim:

*“Kata Amirulmukminin Ali radiallahuanhu, sekali peristiwa, Nabi S.A.W. menyuruhkan lasykarnya pada suatu negeri. Maka dijadikan Nabi Allah seorang laki-laki panglima mereka itu. Maka lasykar itu pun pergila, bersama-sama dengan mereka itu panglima mereka itu. Hatta maka pada suatu malam amarah panglima itu akan segala lasykar itu serta di-suruhnya nyalakan api. Maka katanya akan sekalian mereka itu, “Masuklah kamu ke dalam api ini!” Maka setengah daripada mereka itu mahu masuk dan setengah daripada mereka itu tiada mahu masuk, serta katanya, “Hanya sanya kami lari kepada Rasullullah daripda api maka tiadalah kami mahu masuk kepadanya!” Maka dipersembahkan orang kepada Nabi Allah sallallhualahi wasallam.”*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja-Raja Yang Adil: ms 7

Berdasarkan petikan diatas, panglima itu telah menyuruh askarnya memasuki kedalam api yang marak. Adanya askarnya masuk kedalam api itu, dan ada juga yang lari daripada arahan panglima. Lalu Nabi Muhammad S.AW. bersabda:

*“Jikalau masuk sekalian mereka itu ke dalam api itu nescaya tiadalah keluar mereka itu daripada api neraka selamanya, kerana tiada harus diikuti raja pada berbuar derhaka akan Allah Talla, dan hanya sanya wajib mengikut dia pada yang berlaku pada syarak jua.”*

(HR Bukhari)

Berdasarkan petikan hadis diatas, menujukkan mengikut arahan pemimpin itu wajib bagi setiap umat Islam sekiranya arahanya mengikut syariat Islam seperti menyuruh berpuasa sunat atau beribadat ke jalan kebaikan. Sekiranya berlaku disebaliknya, umat islam tidak diwajibkan untuk mematuhi arahan tersebut kerana ia dapat memberi penganiayaan terhadap diri sendiri. Melakukan penganiayaan terhadap rakyat sangat dibenci dalam ajaran Islam. Berdasarkan Bustanus Salatin Bab Ketiga ini terdapat beberapa perkara yang menegahkan perbuatan penganiayaan terhadap rakyat iaitu sekiranya seorang raja itu beiktikad untuk melakukan penganiayaan maka akan menjadi kafir wal'iatzubillah, neraka akan menjadi tempat tinggal selama-lamanya. Petikan hadis Qudsi menyatakan:

*“Wahai segala hamba-hambaku, bahawasanya aku haramkan aniaya pada diri-Ku dan Ku-jadikan aniaya itu haram pada antara kamu, maka kamu jangan beraniaya-aniaya.”*

(Hadis Qudsi)

Allah pernah berfirman yang tersebut dalam al-Quran:

*“Barang siapa tiada menghukumkan seperti hukum Allah Taala yang diturunkan, maka mereka itulah kafir.”*

Surah al-Maidah:44

## **4.2 Mengenalpasti pemerintahan kerajaan yang mempunyai adab-adab pemerintahan yang terdapat dalam karya ketatanegaraan Bustanus Al-Salatin berdasarkan pendekatan Adab oleh Syed Naquib Al-Attas**

### **4.2.1 Pemerintahan pada zaman kerajaan Melaka**

Kandungan adab dalam karya Bustanus Salatin dan misa Melayu sangat penting untuk para pemimpin suatu kerajaan. Pengamalan adab-adab yang terdapat dalam Bustanus Salatin ini dapat memberi impak yang baik kepada kerajaan Melayu pada suatu ketika dahulu. Kita boleh melihat kegemilangan sesebuah kerajaan yang terdapat dalam Sulalatus Salatin. Pengkaji akan memfokuskan kegemilangan kerajaan Melaka yang mempunyai adab-adab-adab pemerintah yang mulia ketika berkhidmat. Kunci kejayaan dalam sesebuah kerajaan disebabkan memiliki adab-adab pemerintah dalam diri setiap pemimpin. Dalam pemerintahan kerajaan Melaka penerapan adab-adab pemerintah dilakukan ketika pelantikan pembesar. Raja sangat memainkan peranan penting dalam pelantikan pembesar agar mempunyai adab-adab pemerintah yang baik bagi membantunya mengurus ketua pemerintah dalam pentadbiran negara.

Raja memastikan adab-adab pemerintah iaitu amanah perlu ada dalam diri pembesar ketika menjalankan tugas. Pembesar akan membantu raja dalam melaksanakan perintahnya dari segi hubungan diplomatik, ekonomi, politik, keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Perkara ini pembesar perlu melaksanakan tugas dengan penuh amanah dalam setiap diri pembesar yang dilantik. Dalam karya Sulalatus Salatin, dilihat Sultan Mansur Syah memanggil pembesar yang bakal dilantik untuk menyampaikan amanahnya kepada setiap pembesar:

*“...Maka baginda pun menuruh memanggil anaknda baginda, Raja Ahmad, timang-timangnya Raja Hussin dan Bendahara Paduka Raja dan Segala Orang Besar-Besar Sekalian datang berkampung...”*

Sulalatus Salatin, 2008:171

Berdasarkan petikan diatas, Sultan Mansur Syah memanggil pembesar datang ke balairung sebelum baginda mangkat. Lalu, Sultan Mansur Syah bertitah agar pembesar yang dilantik oleh dapat menjalankan tanggungjawab dengan amanah:

*“Maka titah Sultan Mansur Syah pada sekalian mereka itu, “ ketahui oleh mu sekalian, nahawa dunia ini lepaslah rasanya daripada genggamanku, melainkan negeri akhirat penghadapanku. Adapun pertahankanlah pada bendahara dan segala orang kaya-kaya sekaliam, anak kita ahmad ialah ganti kita pada tuan-tuan sekalian. Jikalaubbarang sesuatu salahnya, hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian, kerana ia budak yang bebal, tiada tau istiadat”*

Sulalatus Salatin, 2008: 171

Berdasarkan petikan diatas, Sultan Mansur Syah menyerahkan tanggungjawab kepada pembesar yang dilantik untuk menaikkan takhta anaknda baginda Raja Ahmad sebagai Sultan Melaka selepas kemangkatan baginda. Sultan Mansur Syah menyerahkan amanah kepada pembesar untuk bertolak ansur dan menjaga Raja Ahmad kerana anakndanya masih kanak-kanak lagi ketika memegang jawatan sebagai Sultan Melaka. Sekiranya Sultan Ahmad melakukan kesalahan diharapkan pembesar yang dilantik dapat menasihati untuk memperbetulkan kesalahannya. Amanah Sultan Mansur Syah yang diserahkan kepada pembesar ini merupakan tanggungjawab yang paling besar agar memastikan struktur pemerintahan kerajaan negeri Melaka stabil dari sebarang perebutan kuasa yang

mampu mengugat keamanan negara. Setelah kemangkatan Sultan Mansur Syah, pembesar yang dilantik melaksanakan tugasnya dengan amanah. Perkara ini menunjukkan pembesar mempunyai adab-adab pemerintah yang baik seperti yang dikehendaki oleh Sultan Mansur Syah. Hal ini boleh dilihat dalam petikan Sulalatus Salatin iaitu:

*“Hatta selang beberapa hari , maka Sultan Mansur Syah pun mangkatlah, berpindah ke negeri yang fana ke negeri yang baqa. Maka dikerjakan oranglah seperti adat raja-raja yang telah lalu, maka Raja Hussain lah kerajaan, gelar baginda diatas kerajaan Sultan Alaudin Riayat Syah.”*

Sulalatus Salatin, 2008: 173

Berdasarkan petikan diatas, menunjukkan adab-adab pemerintah berjaya diterapkan dalam diri pembesar. Pembesar telah melaksanakan amanah yang diberikan oleh Sultan Mansur Syah selepas menaikkan takhta Raja Hussain sebagai Sultan Melaka dengan gelaran Sultan Alaudin Riayat Syah. Sultan Alaudin Riayat Syah merupakan seorang pemerintah yang masih muda memegang jawatan sultan Melaka. Baginda dibantu pembesar yang bernama Tun Perak dan hulubalang yang terkenal seperti Hang Tuah, Hang Kasturi, dan Hang Jebat.. Situasi ini menunjukkan pemerintah yang terdapat dalam pembesar ini dapat menjalankan amanah yang diberikan oleh Sultan Mansur Syah iaitu menjaga Sultan Alaudin Riayat Syah dengan baik. Adab-adab pemerintah dalam diri pembesar ini jelas dapat mengukuhkan lagi kestabilan struktur pemerintahan negeri Melaka.

Pembesar Melaka yang menonjolkan adab adab pemerintah yang baik ialah Tun Perak. Tun Perak dilihat mempamerkan kebijaksanaan mengikut adab adab pemerintah berdasarkan Syed Naquib Al-Attas. Kebijaksanaan Tun Perak sudah mempamerkan kebijaksanaan sebelum memegang jawatan pembesar kepada Sultan Melaka. Tun Perak menggunakan kebijaksanaan memajukan aktiviti perdagangan dengan melenyapkan sekumpulan lanun yang berada di Selat Melaka mengancam keselamatan para pedagang. Perkara ini boleh dalam Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka:

*Ampun Tuanku, dalam hal ini, kita mesti mempergiat usaha yang boleh menambah kemakmuran terutama dalam bidang perdagangan. Alhamdulilah seperti yang kita lihat sekarang, kedatangan dagang dan sentari semakin hari demi hari. Apatah lagi dari yang atas angin. Terutamanya pedagang Islam dari tanah arab dan benua hindu juga dari Annam, Kemboja dan China. Malah dari rantau kita ini pun tidak kuranya, sebahagian dari mereka merupakan pedagang besardan kaya raya. Nanti kekayaan dan kemakmuran kita juga akan bertambah. Dengan itu, boleh cepatkan rancangan kita tuanku kata Tun Perak mengakhiri sembahnya.*

Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka, 2008

Berdasarkan petikan diatas, kebijaksanaan Tun Perak terpancar dalam menyusun strategi untuk memajukan aktiviti perdagangan di kerajaan Melaka. Perancangan yang disampaikan oleh Tun Perak ini sangat jelas sehingga menyakinkan Sultan Melaka untuk memajukan aktiviti perdagangan.

Adab-adab pemerintah dalam diri Tun Perak terserlah ketika memegang jawatan sebagai pembesar. Tun Perak menjadi pembesar ketika zaman pemerintahan Sultan Alaudin Riayat Syah, Sultan Mansur Syah, dan Sultan Muzaffar Syah. Dalam buku Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka, Tun Perak mempunyai hubungan yang rapat dengan Sultan yang membawa kepada gelaran Paduka Raja. Gelaran ini diberikan kerana Tun Perak memiliki adab-adab pemerintah yang berkualiti tinggi:

*“Kepimpinan Tun Perak dilihat seimbang dari segi kebudayaan dan cara pemerintahannya. Seorang pemimpin yang beragam Islam. Tun Perak menjalankan tugas sebagai pemerintah mengikut ajaran agama Islam yang sebenar iaitu dengan menghormati raja dan mempunyai kebijaksanaan membantu Sultan memerintah kerajaan Melaka.”*

Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka, 2008

Berdasarkan petikan diatas, Tun Perak memegang tanggungjawab yang besar sebagai pemimpin kerajaan melayu dan membantu sultan dengan memberi nasihat yang baik agar sultan dapat memerintah dengan baik selari dengan ajaran agama Islam.

Adab-adab pemerintah yang dimiliki oleh Tun Perak membantu kerajaan Melaka dalam melakukan aktiviti perluasan kuasa wilayah kerajaan Melaka. Kebijaksanaan yang dimiliki oleh Tun Perak dalam memberi nasihat secara berhemah mengenai cara-cara memperluaskan kuasa amat disukai oleh Sultan Melaka ketika itu. Tun Perak memberi ideal untuk memperluaskan kuasa pemerintahan dengan cara tidak melakukan perang dan paksaan. Tun Perak mencadangkan melakukan perluasan kuasa dengan memujuk kawasan yang berhampiran di Selat Melaka untuk akur dan mengakui kuasa dan daulat kerajaan Melaka. Tun Perak menyampaikan ideal tersebut secara berhemah kepada Sultan seperti yang berikut:

*“Titah Tuanku itu memang ada benarnya, Tetapi ia dilakukan dengan cara halus, beradab dan berspoan santun kita tidak akan melakukanya seperti seekor buaya membaham bangkai. Tidak juga seperti durian dengan mentimun, digolek kena menggolek pun kena. Ia boleh diibaratkan sebagai kata sepakat. Sempurna raja dengan menteri atau seumpama keadaan telur dua sebandun, pecah satu pecah kedua-duanya. Itulah sebaik-baiknya tuanku, walau akan ada rintangan. Sudah tentulah masa diperlukan untuk mencapainya.”*

Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka, 2008

Berdasarkan petikan diatas, ideal yang dilontarkan oleh Tun Perak mencerminkan adab-adab pemerintah berdasarkan Syed Naquib Al-Attas iaitu kebijaksanaan. Tun Perak menyampaikan idealnya secara berhemah dan penuh dengan kebijaksanaan kepada sultan untuk melakukan perluasan kuasa pemerintahan kerajaan Melaka tanpa melakukan secara tidak beretika dan tanpa melakukan pertumpahan darah. Tun Perak juga memaparkan seorang yang berpandangan jauh bagi memastikan kerajaan Melaka menuju ke puncak kegemilangannya.

Tun Perak menunjukkan kebijaksanaanya dalam mengatur strategi peperangan. Tun Perak terlibat secara langsung selepas menerima arahan daripada Sultan selepas mendapat ancaman daripada Siam. Tun Perak memulakan strateginya peperangan dengan memberi semangat patriotik kepada tentera Melaka sebelum berangkat ke medan perang. Berdepan dengan tentera siam. Kata-kata semangat yang diberikan oleh Tun Perak ini boleh dilihat dibawah:

*“Mahukah Tuan-Tuan sekalian menjadi hamba kepada penjajah? Adakah Tuan-Tuan sanggup dan berani menggadai nyawa demi mempertahankan tanpa tumpah darah kita dari musuh yang sompong itu?”*

*“Berjuanglah hingga titisan darah terakhi. Jika terkorban jasa dan bakti Tuan-Tuan yang mempertahankan tanah tumpah darah kita ini akan sentiasa dikenang dan disebut-sebut oleh anak Melaka kita. Harimau mati meninggalkan belang, hendaklah meninggalkan nama.”*

*“Ayuh janganlah berundur barang setapak, singgukan lengan dan huncuskan senjata! Apabila berhadapan dengan musuh, janganlah buka langkah seribu, bukalah langkah pahlawan. Serang dan musnahkan mereka habis-habisan. Hamba sendiri akan memimpin serangan ini”*

Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka, 2008

Berdasarkan petikan diatas, Tun Perak mempunyai kebijaksanaan dalam menggunakan kata-kata semangat yang penuh patriotisme kepada orang bawahnya pergi menentang tentera siam. Semangat yang diberikan oleh Tun Perak ini menjadikan tentera Melaka lebih gagah dan berani. Impaknya, tentera Melaka yang diketuai Tun Perak ini berjaya menewaskan tentera siam yang diketuai oleh Awi Cakri.

Selain bijak dalam memberi kata-kata semangat kepada tentera Melaka. Tun Perak juga bijak dalam mengatur strategi peperangan. Tun Perak merancang strategi peperangan dengan mempertahankan negeri Melaka secara berkumpulan dan menyerang secara berperingkat. Strategi yang dirancang oleh Tun Perak ini berjaya mematahkan serangan Siam. Tun Perak meletakkan tenteranya di Ulu Melaka bagi menunggu tentera Siam dan menghantar tenteranya sebagai pertahanan di Melaka. Berlakunya peperangan dengan Siam, Tun Perak telah dibantu tentera pertahanan Melaka yang diketuai oleh Penghulu Certuk. Gabungan ini menjadikan serangan Tun Perak menjadi lebih kukuh sehingga dapat mematahkan serangan tentera Siam. Tentera Siam melakukan serangan kedua, selepas serangan pertama keatas negeri Melaka menemui kegagalan. Tun Perak menyusun strategi dengan bijak dengan memberi arahan kepada tenteranya untuk membakar puntung api dengan banyak. Membakar puntung api ini bertujuan untuk memperdaya tentera Siam bahawa puntung api itu ialah tentera Melaka yang ramai. Rancangan yang dibuat oleh Tun Perak ini dapat melindungi kerajaan Melaka dari serangan tentera Siam kali kedua dan tanpa berlakunya pertumpahan darah.

Selain penerapan adab-adab pemerintah dalam diri pembesar ia juga boleh dilihat pada bakal pemerintah ini untuk memastikan kegemilangan pemerintahan sebelumnya dapat diteruskan. Penerapan adab-adab pemerintah iaitu amanah perlu ada dalam diri bakal pemimpin ini agar dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Perkara ini boleh dilihat dalam karya Sulalatus Salatin dimana Sultan Mansur Syah menyampaikan nasihat kepada Sultan Alaudin Riayat Syah mengenai adab-adab kepimpinan yang perlu ada untuk menjadi seorang pemimpin yang adil ketika membarisi kepimpinan kerajaan Melaka pada suatu hari nanti. Penyerahan nasihat ini boleh dilihat dalam petika Sulalatus Salatin iaitu:

*“Adapun peninggalan aku ini, hei anakku, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat, dan janganlah engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya makan haqul-adam terlalu berat dosanya, tiada diampuni Allah subhanahu wa taala melainkan dengan izin yang empunya hak juga dan jangan khali engkau kuat dihadap orang, kerana hamba Allah sekalianya banyak berserah kepadamu jikalau kesukaran baginya, hendaklah segala yang kesakitan itu segera engkau tolong; jikalau teraniaya ia hendaklah engkau periksa ia baik-baik, supaya diakhirat jangan diberatkan Allah atasmu...”*

Sulalatus Salatin,2008: 172

Berdasarkan petikan diatas, Sultan Alaudin Riayat Syah diberi nasihat daripada Sultan Mansur Syah agar menjadi seorang pemerintah yang adil dan menolong rakyat dalam kesusahan dan sentiasa berwaspada dalam membuat keputusan. Nasihat yang diberi oleh Sultan Mansur Syah bertujuan untuk kesejahteraan rakyat yang berada dibawah tumpuk pemerintahannya. Nasihat adab-adab pemerintah yang diberi oleh Sultan Mansur Syah ini dilaksanakan dengan baik. Perkara ini boleh dilihat dalam teks Sulalatus Salatin, dimana tindakan yang dilakukan oleh Sultan Alaudin Riayat Syah menjalankan pemerintahannya dengan penuh beradab sebagai seorang pemerintah:

*“Maka titah Sultan Alaudin kepada bendahara paduka raja, menyuruh membuat balai di Sirupang empat di Terigah Negeri, disuruh bubuh seorang penghulu diam disana. Maka titah baginda pada seri Maharaja, Jikalau mendapat harta orang, jika tiada dipulangkanya pada yang empunya, disuruh baginda kudung tanganya jikalau tiada bertemu dengan empunya harta., kebalai itulah dihantarkan. Maka didalam Negeri melaka itu, jikalau harta orang gugur dijalan atau dipekan, maka dicarinyaalah ke balai itu, demikianlah peri adil Sultan Alaudin Riayat Syah.”*

Sulalatus Salatin, 2008: 174

Berdasarkan petikan diatas, Sultan Alaudin Riayat Syah melaksanakan pemerintahanya dengan amanah. Baginda mempamerkan adab-adab pemerintahan yang adil dengan melaksanakan hukuman terhadap orang yang melakukan tindakan jenayah iaitu mencuri. Baginda melaksanakan hukuman adat dan Islam yang ditetapkan. Sultan Alaudin juga melaksanakan amanah yang diberikan oleh Sultan Mansur Syah dengan menolong masyarakat yang berada dalam kesusahan. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan teks Sulalatus Salatin:

*“Baginda menitahkan paduka tuan, anak bendahara paduka raja, dan laksamana Hang Tuah, dan Seri Bija Diraja dan segala Hulubalang memairi kelengkapan Orang Haru itu. Maka Paduka Tuan dan segala Hulubalang itupun pergila. Setelah kelengkapan Haru, lalu berperang, berlanggar-langgaran terlalu azimat bunyinya perang itu, seperti akan kiamat.”*

Sulalatus Salatin, 2008: 176

*“Raja Maluku, negerinya dialahukan oleh Kastilan, maka Raja Maluku pun lari ke Melaka. Pada ketika itu Raja Rekan dan Telunai Terengganu pun ada, di Melaka menghadap Sultan Alaudin Riayat Syah. Maka Raja Maluku dipersalin oleh Sultan Alaudin dengan pakaian anak raja dan dianugerahi sepertinya.”*

Sulalatus Salatin, 2008: 180

Berdasarkan petikan diatas, Sultan Alaudin membantu masyarakat yang berada dibawah naungan kerajaan Melaka. Sultan Alaudin menolong kerajaan Pasai dari segi bantuan kententeraan dimana kerajaan Pasai diserang oleh kerajaan Haru. Sultan Alaudin membantu memberi perlindungan kepada Raja Maluku selepas negaranya diserang oleh kastilan. Sultan Alaudin mempamerkan adab-adab pemerintah seperti yang diperintahkan oleh Sultan Mansur Syah dengan baik sehingga meangkat kegemilangan kerajaan Melaka.

Pemerintah pada zaman kerajaan Melaka sangat meletakkan ilmu pengatahuan pada kedudukan yang tinggi sebagai persiapkan diri dengan ilmu pengatahuan untuk mentadbir kerajaan. Perkara ini selari dengan adab-adab pemerintah menurut Syed Naquib Al-Attas. Sultan Mansur Syah memiliki adab-adab pemerintah iaitu seorang pemerintah berilmu pengatahuan. Perkara ini boleh dilihat Sultan Mansur Syah membawa masuk kitab Duri'l Mazlum yang dihasilkan Maulana Abu Bakar. Kemasukkan Duri'l Mazlum ke negeri Melaka boleh dilihat dalam petikan teks Sulalatus Salatin:

*“Maulana Abu Bakar namanya ‘maka diajarkanya kitab Duri'l Mazlum itu kepadanya, Maka kata Maulana Abu Ishak, “Pergilah engkau ke Melaka, beri fatwa olehmu segala orang dibawakan angin.” Maka sahut Maulana Abu Bakar. “Baiklah, tetapi kitab ini tuan buat dengan dua bahasa. Hanya jika ditanyai orang hamba pada bahasa zat dan bahasa sifat, seperti pengajar tuan itulah hamba jawabkan. Jikalau ditanya orang bahasa af’al, apa jawab hamba kelak?”. Maka dikarangnya pula bahasa af’al, maka jadilah Kitab Duri'l Mazlum. Itu tiga bahasa.”*

Sulalatus Salatin, 2008:157

Kemasukkan Duri'l Mazlum ini diterima baik oleh Sultan Mansur Syah ke negeri Melaka. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan teks Sulalatus Salatin iaitu:

*“Maka sangat dipermulia oleh Sultan Mansur Syah akan Maulana Abu Bakar. Kitab Duri'l Mazlum itu disuruh anak baginda lalu ke Balairung. Maka Sultan Mansur Syah pun berguralulah dengan Maulana Abu Bakar, maka sangatlah dipuji oleh Maulana Abu Bakar akan Sultan Mansur Syah, terlalu amat terang hati banyaklah ilmu diperoleh baginda”*

Sulalatus Salatin, 2008: 157

Selain mempersiapkan diri dengan ilmu pengatahuan oleh Sultan Mansur Syah, Sultan Mansur Syah juga menyebarkan ilmu pengatahuan untuk seluruh negara yang berada dibawah takluknya. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan teks Sulalatus Salatin:

*“Maka oleh Sultan Mansur Syah Duri'l Mazlum itu disuruh ertikan ke Pasai kepada Makhдум Patakan. Maka Duri'l Mazlum itu pun diertikan, setelah sudah dihantarkan ke Melaka. Maka terlalu sukacita Sultan Mansur Syah melihat Duri'l Mazlum itu ditunjukkan baginda pada Maulana Abu Bakar, maka berkenanlan Maulana Abu Bakar akan makna Duri'l Mazlum itu beberapa pujian akan Tuan Patakan.”*

Sulalatus Salatin, 2008:158

#### **4.3 Mencadangkan adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustanus Salatin (Bab Ketiga) untuk dipraktikan dalam tumpuk pemerintahan pada masa kini.**

Dua elemen yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara ialah Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Negara Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dibawah pemerintahan raja berperlembagaan iaitu Yang Dipertuan Agong sebagai ketua negara. Kerajaan Demokrasi Berparlimen merupakan pemerintahan demokrasi yang dijalankan secara perwakilan. Pemilihan pewakilan ini dilakukan secara pilihanraya umum. Insitusi yang menggubal perundangan tertinggi negara ialah Parlimen Persekutuan Malaysia. Parlimen Persekutuan Malaysia terdiri daripada Yang Dipertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Perkara ini tidak menjadikan kedudukan raja Melayu menjadi rendah, kedudukan dan martabat raja Melayu terus dipelihara dan dipertahankan sebagai lambing ketamadunan dan warisan bangsa melayu. Raja dan perwakilan kerajaan ini memainkan tanggungjawab yang besar dalam mentadbir negara. Raja sebagai ketua negara seperti yang termaktub dalam Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan. Manakala, perwakilan di Parlimen memainkan peranan menggubal undang-undang untuk dikuatkuasakan di negara ini.

Karya teks ketatanegaraan Bustanus al-Salatin merupakan karya yang sangat penting kepada pemikiran masyarakat Melayu mengenai panduan mentadbir kerajaan di alam Melayu. Selepas pengkaji melakukan kajian yang mendalam mengenai panduan adab-adab pemerintah dalam Bustanus al-Salatin berdasarkan pendekatan adab Syed Naquib al-Attas terdapat cadangan-cadangan yang boleh dipraktikan untuk para pemerintah kerajaan pada masa kini.

Antaranya ialah seorang pemimpin seharusnya melaksanakan tanggungjawab dengan betul yang boleh memberi manfaat kepada rakyat. Keratan akhbar Berita Harian yang bertarikh 11 Ogos 2021 mengenai teguran Sultan Johor, Sultan Ibrahim yang meluahkan rasa dukacita terhadap situasi politik di Negeri Johor. Dukacita itu lahir selepas Sultan Ibrahim melihat sikap para pemimpin politik pada era pandemik Covid-19 cuba mengugat struktur kerajaan yang dibina dan saling berebut kuasa sehingga melupakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin. Penganalisis politik, Mujib Abd Muis berkata Sultan Ibrahim sangat perihatin dimana baginda berasa kecewa kerana situasi perebutan kuasa ini berlaku ketika rakyat berdepan dengan pandemik ini. Teguran kepada para pemimpin perlu mengambil sebagai pedoman agar para pemimpin menjalankan tugas sebagai pemimpin pilihan rakyat dengan membantu rakyat yang berada dalam kesusahan ketika era pandemik Covid 19. Rakyat terpaksa mengikat perut, hidup dengan penuh kesempitan wang dan makan ketika era pandemik Covid-19 kini. Perkara ini jelas, para pemimpin perlu menjalankan tanggungjawab dengan betul seperti yang terdapat dalam adab-adab pemerintah dalam Bustanus Salatin dengan menjadi seorang yang bertanggungjawab dengan memberi manfaat yang baik kepada masyarakat.

Para pemimpin perlu menghayati karya ketatanegaraan seperti Bustanus Salatin untuk menjadi pemimpin yang disukai rakyat dan direhái oleh Allah S.W.T. Para pemimpin perlu mencontohi adab-adab pemerintah yang ditonjolkan oleh Khalifah Umar Al-Khattab dimana beliau menangis sehingga pengsan kerana tidak membantu rakyatnya yang hidup dalam kesusahan. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan Bustanus al-Salatin:

*“Maka tatkala sedarlah ia daripada pengsanya itu maka katanya, “ Hai saudaraku, apa hajatmu? ”. Maka sahut perempuan tua itu, “ Ya Amirulmukiminin, bahwasanya hamba dan segala anak hamba kelaparan. Maka Amirulmukminin kembali ke rumahnya serta dibawanya suatu bakul berisi tepung gandum pada bahu kananya dan suatu bakul berisi kurma pada bahunya kiri, lalu diberinya makan perempuan tua itu serta ia minta maaf. Maka perempuan tua itu pun menangislah ini tempat segala Islam membawa dirinya. Dilanjutkan Allah kiranya umur tuan hamba.”*

Bustanus Salatin Bab Ketiga Kisah Raja-Raja Yang Adil: m/s 20

Nuruddin al-Raniri menyampaikan nasihatnya dalam Bustan al-Salatin agar dapat mencontohi sikap Umar al-Khattab dalam menjankan tugasnya sebagai khalifah iaitu:

*Nasihat: Seyogia bagi segala raja-raja mengerjakan insaf dan manfaat akan segala rakyatnya yang fakir miskin supaya diperolehnya bahagia dalam dunia dan dalam akhirat, ialah yang beroleh perangai daripada perangai Amirulmukminin Umar radiallahuanhu*

Bustan al-Salatin Bab Ketiga Kisah Raja-Raja Yang Adil: m/s 25

Adab yang dipamerkan oleh Khalifah Umar Al-Khattab ini perlu ada dalam pada era pandemik Covid-19 ini dengan membantu rakyat yang sedang berjuang meneruskan kehidupan bukan untuk berebut kuasa pemerintahan. Seterusnya, cadangan adab-adab pemerintah yang terdapat dalam Bustan al-Salatin berdasarkan pendekatan adab oleh Syed Naquib al-Attas ialah seseorang pemimpin perlu amanah dalam menjalankan tugas yang dipegang. Keratan akhbar Berita Harian yang bertarikh 10 April 2021, mengenai isu kes rasuah yang meningkat ketika berlakunya pandemik Covid-19.

Suruhanjaya Pencegaha Rasuah Malaysia (SPRM) menyatakan berlakunya peningkatan rasuah dalam kalangan penjawat awam dan kartel ketika negara sedang mengalami wabak Covid-19. Kejadian ini berlaku kerana keadaan ekonomi negara yang tidak menentu menyebabkan segelintir individu terlibat dalam aktiviti rasuah untuk mengurangkan kesesakan ekonomi yang berlaku dalam kehidupan individu tersebut yang diperkatakan oleh Ketua Pesuruanjaya SPM, Datuk Seri Azam Baki. Peningkatan kes rasuah dalam kalangan penjawat awam menunjukkan kurangnya nilai amanah dalam diri individu tersebut. Individu tersebut lebih mementingkan materialistik untuk menikmati kehidupan mewah sanggup melakukan penipuan dalam melakukan pekerjaan yang telah diamanahkan. Negara Malaysia mempunyai sistem pengurusan pentadbiran yang baik dan cemerlang. Kewujudan individu yang tidak amanah dalam melakukan perkerjaan yang ditugaskan ini akan mencacatkan pengurusan pentadbiran negara. Mengelakkan berlakunya isu rasuah, para penjawat awam perlu menghayati dan mempratikkan amanah dalam melakukan pekerjaan seperti yang terdapat dalam Bustan al-Salatin. Para penjawat awam perlu menjadikan Khalifah Umar al-Khattab sebagai contoh untuk menjadi golongan pentadbir yang amanah. Perkara ini boleh dilihat dalam teks Bustan al-Salatin:

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*“Sekali peristiwa, pada suatu hari, ditanyai orang akan yang memegang khazanah harta segala Islam, “Adakah Amirulmukminin Umar radiallahuanhu mengambil daripada segala harta segala Islam?” Maka sahut yang memegang khazanah itu, “Adalah Amirulmukminin dari mula jadi khalifah, apabila tiada/ ada baginya suatu daripada [keperluanya] maka diambilnya sedikit daripada harta itu sekadar [keperluanya] jua. Apabila diperolehnya harta, maka dikembalikan harta yang diambilnya itu.”*

Bustan al-Salatin Kisah Raja-Raja Yang Adil: m/s 29

Para penjawat awam perlu mempunyai sifat amanah seperti yang ditonjolkan oleh Khalifah Umar al-Khattab dalam menguruskan pentadbiran negara. Amanah merupakan nilai yang paling bernilai kerana ia merupakan sebuah kepercayaan yang telah diberikan oleh seseorang individu tersebut untuk melakukan tugas dengan sebaik-baiknya. Sekiranya, kepercayaan yang diberikan tidak digunakan dengan sebaiknya ini akan merosakkan imej individu tersebut dan menyebabkan individu itu sukar dipercayai kerana intergriti sudah terhakis.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### 5.1 PENGENALAN

Bab ini pengkaji akan merumuskan kesluruhan kajian ini. Kajian ini memfokuskan adab-adab pemerintah dalam teks ketatanegaraan Bustan al-Salatin. Kajian ini menggunakan pendekatan adab oleh Syed Naquib al-Attas untuk melihat adab-adab yang perlu ada dalam diri seorang golongan pemerintah. Pengkaji akan mencadangkan adab pemerintah dari aspek individu dan kementerian agar dapat dipraktikan dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian, pengkaji berharap kajian ini dapat dihayati dan dapat melahirkan seseorang insan yang memiliki adab-adab pemerintah yang baik

### 5.2 CADANGAN

#### 5.2.1 CADANGAN KEPADA INDIVIDU

Mempraktikan dan menghayati adab-adab pemerintah yang baik kepada individu, khususnya pelajar. Pelajar perlu melakukan pembacaan dan melakukan kajian mengenai karya ketatanegaraan seperti Taj al-Salatin oleh Bukhari al-Jauhari dan Nasihat Bagi Segala Raja-Raja oleh Syeikh Abdul Kadir agar dapat mengeluarkan nilai-nilai yang baik dalam karya tersebut untuk dihayati dan dipraktikan dalam diri pelajar tersebut.

#### 5.2.2 CADANGAN KEPADA KEMENTERIAN

Pihak Kementerian Pendidikan perlu membawa masuk teks ketatanegaraan dalam modul pembelajaran Sekolah Menengah dalam usaha memperkuatkan jati diri pelajar dengan kepimpinan yang bertanggungjawab dan berwibawa.

### 5.3 KESIMPULAN

Rumusanya, adab-adab pemerintah ini memainkan peranan penting dalam insitusi kenegaraan. Lahirnya karya Bustanus Salatin yang dihasilkan oleh Nuruddin Al-Raniri ini merupakan khazanah kesusastraan yang berteraskan pemikiran dan keintelektualan. Isi kandungan dalam Bustanus Salatin ini bukan sahaja menceritakan peraturan pentadbiran negara tetapi Nuruddin Al-Raniri ini menggarapkan panduan dan nasihat kepada pemimpin negara. Nuruddin Al-Raniri ini telah memberi sumbangan yang besar iaitu membentuk adab keperibadian para pemimpin negara selari dengan nilai agama Islam dan moral. Karya ketatanegaraan ini memberi penekanan bahawa golongan pemerintah akan diberikan ganjaran pahala yang besar kerana memikul amanah Allah S.W.T. Namun begitu, sekiranya pemimpin bertindak melakukan pemerintahan yang zalim akan mendapat balasan yang buruk.

Berdasarkan objektif kajian yang dibuat, jelas menunjukkan pemerintah pada zaman Kerajaan Melayu Melaka memiliki adab-adab pemerintah yang baik dalam diri golongan pemerintah. Pengamalan adab-adab pemerintah yang baik ini, Kerajaan Melayu Melaka berjaya meangkat kegemilanganya pada era pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Sultan Mansur Syah dan Sultan Alaudin Riayat Syah. Golongan pembesar juga dilihat mempunyai adab pemerintah yang baik iaitu Tun Perak dalam membantu pentadbiran Kerajaan Melaka. Cadangan yang dilampirkan amat sesuai dipraktikkan dalam diri pemerintah pada masa kini bagi menjalankan tanggungjawab membantu rakyat yang sedang menghadapi era pandemik Covid-19.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1997). Pemikiran Islam di Malaysia: sejarah dan aliran. Jakarta:Gema Insani Press.
- Azka, M. F. (2019). Filsafat Bahasa Dan Penafsiran Al Qur'an Studi Analisis Proyeksi Al Qur'an Tentang Filsafat Bahasa Dalam Tafsir Imam Fakhr Al Din Al Razi.
- Al-Attas, M. N., Bagir, H., & Rahmat, J. (1987). Konsep pendidikan dalam Islam. Bandung.
- Dewan, B. P. (2008). Kamus dewan edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dankoff, Robert, 1983. Wisdom of Royal Glory: A Turko-Islamic Mirror For Princes Chicago: University of Chicago Press.
- Jelani, H. (2006). Nasihat Al-Muluk: Nasihat kepada raja-raja: karangan Imam Al-Ghazali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani, H. (2008). Bustan al-salatin: Bab ketiga: kisah raja-raja yang adil / Nuruddin Ar-Raniri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani, H. (2003). Pemikiran adab ketatanegaraan kesultanan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McRoberts, R. W. (1984). An Examination of the Fall of Melaka in 1511. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 57(1 (246), 26-39.
- Mustafar, F. W. (2020). Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun. Jurnal Tuah, 1(1).

Mohamed Farid Noh. (2021, Ogos 11), Teguran Sultan perlu dijadikan pedoman. Berita Harian. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my>

Norhalim, I. (1993). Adat Perpatih: Perbezaan dan persamaan dengan Adat Temenggung. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Nurul Huda Husain. (2020, Ogos 16). Keistimewaan Melayu Sedang Dipersoal Dan Dihapuskan. Sinar Harian. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my>

Rajantheran, M. (2001). Amalan Kultus Devaraja Di Asia Tenggara. JATI-JOURNAL OF SOUTHEAST ASIAN STUDIES, 6, 49-68.

Ahmad Suhael Adnan. (2021, April 10). Kes rasuah meningkat ketika pandemik. Berita Harian. Diambil daripada <https://www.bharian.com>.



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN